


Jilid I
Bil. 86



Hari Rabu
17hb Disember, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9465]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9470]

Wakil dalam Jumaah Universiti Malaya:

YB Encik Zakaria bin Haji Abdul Rahman [Ruangan 9507]

YB Encik Lew Sip Hon

Acara Kewangan, 1957 (Pindaan, 1972):

Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah [Ruangan 9508]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 9470]

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 9512]

Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 9518]

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Di Luar Negeri [Ruangan 9534]

Rang Undang-undang Sewa-beli (Pindaan) [Ruangan 9549]

Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) [Ruangan 9563]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 17hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat** Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. DATUK Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat** TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENYAKIT HISTERIA DI SEKOLAH-SEKOLAH

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa penyakit histeria biasanya terjadi di sekolah-sekolah yang penuntutnya bumiputra sahaja dan jika ya, nyatakan nama sekolah-sekolah yang biasa mendapat penyakit tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penyakit histeria atau penyakit rasukan yang berlaku sebagaimana yang dilaporkan biasanya terjadi di sekolah-sekolah yang penuntut-penuntutnya adalah terdiri dari penuntut-penuntut bumiputra terutama di kalangan murid-murid perempuan. Mengikut keterangan yang ada, nama sekolah-sekolah yang terlibat itu adalah seperti berikut:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bentara Luar, Batu Pahat, Johor.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Bakri, Muar, Johor.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Raub, Pahang.
4. Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang.
5. Sekolah Menengah Kebangsaan, Alor Akar, Kuantan, Pahang.
6. Sekolah Menengah Vokesyenal, Alor Star, Kedah.
7. Sekolah Menengah Asmah (1), Alor Star, Kedah.
8. Sekolah Menengah Asmah (2), Alor Star, Kedah.
9. Sekolah Menengah Pendang, Kedah.
10. Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Samad, Machang, Kelantan.
11. Sekolah Menengah Puteri, Kota Bharu, Kelantan.

12. Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Keling, Melaka.
13. Sekolah Menengah Syed Alwi, Kangar, Perlis.
14. Sekolah Menengah Vokesyenal, Setapak, Selangor.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran juga mendapat tahu bahawa terdapat satu kejadian di mana penuntut perempuan keturunan China di Sekolah Menengah Asmah, juga turut terlibat.

Untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat supaya kita tidak menjadi histeria atau menakut-nakutkan penyakit rasukan ini, penyiataan-penyiataan sudah dibuat ke atas serangan-serangan rasukan di kalangan murid-murid sekolah di Malaysia Barat oleh satu pasukan daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya dalam tahun 1971. Adalah nyata dari hasil-hasil penyiataan pasukan ini bahawa serangan-serangan rasukan ini adalah satu kejadian biasa yang boleh diterangkan dengan istilah-istilah kejadian jiwa atau psychological terms dan bukan disebabkan oleh rasukan atau gangguan-gangguan hantu atau jin. Pasukan itu juga mendapati bahawa penyakit tersebut berlaku tidak berkaitan langsung dengan tempat sekolah itu.

Penyakit ini biasanya disebabkan oleh ketegangan rasa hati yang timbul dari conflict peribadi yang terdapat beberapa waktu sebelum serangan itu. Serangan-serangan ini biasanya menjelma apabila murid-murid yang berkenaan itu tidak dapat menentukan apakah sebabnya yang mengganggu mereka, akan tetapi mereka masih gelisah dan risau mengenai ketegangan itu dan oleh yang demikian mereka tidak dapat melahirkan perasaan mereka secara lisan untuk membetulkan keadaan itu. Keadaan ini biasa terdapat di kalangan murid-murid perempuan yang tinggal di asrama-asrama yang jauh dari rumah dan ini juga biasa terdapat di sekolah-sekolah yang tidak banyak menjalankan aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan hiburan yang boleh menolong menghilangkan ketegangan rasa hati mereka. Serangan-serangan seperti itu boleh diatasi dengan mengasingkan murid-murid yang terlibat dari murid yang lain dalam sekolah itu supaya tidak merebak kepada murid-murid lain. Jikalau ini berlaku di asrama-asrama murid-murid yang berkenaan hendaklah dihantar balik ke rumah-rumah mereka selama beberapa hari.

Conflict dan ketegangan yang terdapat dalam lingkungan sekolah itu hendaklah diketahui dan dibetulkan supaya memuaskan segala pihak yang berkenaan dengan secepat mungkin. Perlu dinyatakan di sini bahawa penyakit rasukan atau histeria seumpama ini bukanlah satu perkara yang berlaku di dalam negara ini sahaja. Kejadian-kejadian yang sama telah dilaporkan berlaku di Britain, Jepun, Amerika Syarikat, dan Israel. Penjelmaan atau manifestation tiap-tiap serangan yang sebenarnya akan bergantung atas kepercayaan, kemudahan, ragam-ragam, tingkah laku yang diterima pada amnya dalam masyarakat yang berkenaan.

SIARAN AZAN DI TV MALAYSIA

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas menyatakan adakah beliau bercadang hendak mengadakan Malaysia mengadakan rancangan di waktu berkenaan, di samping Azan menandakan waktu Asar oleh TV Malaysia, sewaktu TV Malaysia mengadakan rancangan di waktu berkenaan, di samping Azan menandakan waktu Magrib dan Isyak yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu ini, Kementerian tidak bercadang hendak menambahkan lagi siaran Azan pada siang hari.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun hari ini ada didapati dalam radio, saya percaya sekiranya ditambah Azan ini di waktu Asar akan menambahkan lagi minat kepada anak-anak kita apabila mendengar suara Azan itu untuk menunaikan fardu sembahyang.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Kementerian ini siaran azan pada tiap-tiap waktu di radio itu adalah mencukupi.

PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

3. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa perkhidmatan Keretapi yang lebih baik dan cepat amat perlu di negara ini. Jika ya, apa langkah berkesan yang sedang diambil terhadap masaalah ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengetahui sepenuhnya tentang keperluan untuk meninggalkan mutu perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dan berkaitan ini beberapa pembaikan telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga merupakan peringkat kedua rancangan jangka panjang bagi pembaharuan, pemulihan, pemodenan dan pembaikan dalam teknologi rel yang telah dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua.

Projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga bertujuan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan yang serba moden dan kemaskini kepada pihak awam dalam rupabentuk yang berkecukupan, boleh diharap, selamat, pantas, selesa, senang, berasing dan juga untuk menambah jumlah perdagangan yang dikendalikan oleh keretapi.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini bilakah rakyat Malaysia boleh mendapat perkhidmatan keretapi yang baik dan cepat, dan juga bila boleh siap rancangan-rancangan untuk memperbaiki dan mempercepatkan perkhidmatan keretapi tersebut?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan keretapi boleh dapat yang secukupnya, perkara itu telah disusun dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga, seperti mana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya yang mula tadi. Boleh jadi kalau tidak siap dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan kalau tidak boleh memberi perkhidmatan yang sesuai di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga, maka boleh jadi Kerajaan akan memberi perkhidmatan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah mengumumkan kenaikan tambang keretapi dan

oleh sebab itu perlu dan terpaksa perkhidmatan keretapi memberi kemudahan-kemudahan yang sesuai bukan di dalam 5 atau 10 tahun yang akan datang, tetapi barangkali di dalam masa satu tahun.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalaah ini sentiasa dibincangkan dalam Select Committee bagi menaikkan tambang dan sebagainya, bukannya daripada Yang Berhormat Menteri sendiri untuk memutuskan. Perkara itu ditimbang dengan telitinya perkara-perkara yang hendak dijalankan. Perkara-perkara yang dijalankan bukanlah satu perkara yang senang yang mana segala rancangan-rancangan itu adalah bertujuan hendak memperbaiki semata-mata perkhidmatan keretapi, sebagaimana yang telah saya jawab mula-mula tadi.

PERATURAN KAWALAN PERTUKARAN (EXCHANGE CONTROL REGULATIONS)

4. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi menyekat matawang Malaysia mengalir secara senyap-senyap keluar negeri kerana ini akan mengakibatkan kekurangan edaran di dalam negeri sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran yang ada sekarang tiada pengembara daripada Malaysia samada ianya warga-negara Malaysia ataupun warganegara asing dibenarkan membawa keluar bersama-samanya matawang Malaysia melebihi dari \$1,000 bila ia meninggalkan negara ini.

Pihak Kastam dan Eksais Di Raja mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi bagi memeriksa pengembara-pengembara di dalam mengenakan peraturan ini di semua pintu-pintu keluar di Malaysia. Oleh itu, telahpun terdapat langkah berjaga-jaga yang cukup bagi menyekat pengaliran keluar matawang Malaysia dari negara ini. Ternyata sekali kita tiadalah menanggung kekurangan matawang di dalam pendedaran di negara ini sendiri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah jaminan daripada Yang Berhormat

Timbalan Menteri itu bahawa wang Malaysia ini tidak dialirkan keluar, sebab setahu saya kawalan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak begitu ketat. Saya rasa orang boleh membawa keluar, jadi bolehkah Yang Berhormat menerangkan cara dan jaminan yang lebih tepat samada kawalan di bidang penukaran ataupun sebagainya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya beri jawapan tadi, Pegawai-pegawai Kastam di mana-mana pintu keluar Malaysia ada kuasa memeriksa pengembara-pengembara yang keluar, samada pemeriksaan peribadi ataupun pemeriksaan baggage mereka dan ini adalah cukup untuk mengawal masalaah ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEADILAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalaah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Disember, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula untuk membahaskan Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) (No. 2).

2.50 ptg.

Tuan Lim Cho Hock: (Ipoh) (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill seeks to abolish, among other things, appeals to the Privy Council in criminal and constitutional cases. I am rather shocked and surprised that such a Bill is presented to this House in so short a time and without giving the public and the people concerned, particularly the lawyers, a chance to consider the consequences and repercussions that such a Bill would have on our people.

Mr Speaker, Sir, our system of Government is generally based on a separation of powers, that is to say, we have got the Executive, Parliament and Judiciary and these three bodies are meant to check the excesses of each other, i.e. one body is expected to check the excesses of the other body.

Mr Speaker, Sir, the Judiciary is, in my opinion, the last bastion of democracy in Malaysia. The Government in the past years, particularly in the last one or two years, has embarked on the course of making Malaysia a dictatorship. We have seen a lot of repressive laws being passed—the Universities and Colleges Act being passed and then we have seen the criminal laws being amended like nobody's business with death sentences or life imprisonment for offences other than treasonable offences. The people want more safeguards, but what safeguards can they have if you abolish appeals to the Privy Council. To be very frank, the Malaysian Judiciary is comparatively a young Judiciary and, as such, the people in Malaysia should be given a chance to appeal to the highest body, that is the Privy Council, and by passing this Bill people's confidence and respect in the independence and viability of our Judiciary is really hampered.

Mr Speaker, Sir, before we achieved independence, the people of Malaysia, the various communities came together and agreed upon this particular Constitution, the Constitution for Malaysia, and the Constitution for Malaysia under Article 131 guarantees appeals to the Privy Council. Now, the people are not given this right to

appeal to the Privy Council. So, the rights and liberties, particularly of the minority races, have not been guaranteed by the Constitution. Can we honestly say that this Constitution is very clear in every respect and that the rights are very clearly defined? Can we really say that? I would like to bring an instance of a lot of unhappiness over the interpretation of, say, Article 152 of the Constitution which says that Malay shall be the official language and that

“Provided that—

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language; and
- (b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation.”

We hear a lot of Ministers, Deputy Ministers and Menteri Besars saying that no Chinese signboards should be put up in this shop or in that shop. Are those pronouncements in conflict with the provisions of this Article? Then we have got some sections of the people who like to establish their own Universities without having got a single cent from the Government. Can they on their own, with their own money, set up a University? The interpretation of this Article is not very clear to-date so that the minority races would like to have the opinion, the interpretation, of the highest judicial body and that is the Privy Council. I say the Privy Council itself will give credit to the Government, in that it really practices Parliamentary democracy, that the rights of the minorities can be maintained by the Judiciary, particularly by the Privy Council.

Mr Speaker, Sir, it has happened in certain countries—I would not like to mention names—it has happened in other countries that the Executive at times interfered with the independence of the Judiciary and it has happened that a Government which wished to, say, propose certain progressive legislation would like to see that the Supreme Court would favour the Government and would declare that such legislation would be constitutional and would therefore appoint those Judges who are favourable to the Government.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Mr Speaker, Sir, on a point of order. Saya hendak minta ruling. Ucapan itu sungguhpun menyentuh negeri lain, tetapi kata-kata itu semacam seolah-olah Kerajaan boleh mempengaruhi independent Judiciary negeri ini. Itu saya minta ruling—tidak patut bercakap begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Pada pendapat saya, ucapan Yang Berhormat ini belum sampai lagi kepada tempat yang boleh saya anggapkan tuduhan yang mengatakan Judiciary kita tidak independent. Saya perhatikan dan dengar baik-baik. Saya minta bercermat sedikit Yang Berhormat dan jangan membuat assumption apa-apa. Kalau hendak memberi contoh satu dua itu boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Yes, it is only a general example. The Honourable Finance Minister in presenting the Budget, if I am not mistaken, said that national unity in our country is far from a reality. Exactly, because we do not have national unity here that is why we need a very strong Judiciary to guarantee the rights and liberties of the minority races particularly, not only of the majority race but of the minority races.

Mr Speaker, Sir, as mentioned by the previous Members, the Bar Council has not been consulted. I think in a matter of such nature, it is natural and expected of the Government to consult the Bar Council. Of course, the Honourable Attorney-General replied that, "Well, we have got a majority in the House, we represent the people and that is why we can pass whatever laws we like." Fair enough. But then I do not think the Attorney-General would like to use the majority to bulldoze any legislation through without consulting the bodies which are more intimately concerned and connected with such particular matter.

Tuan Yang di-Pertua: Could the Honourable Member point out to the Chair whether there is any law or regulation which makes it mandatory for the Attorney-General to consult the Bar Council or any other Council?

Tuan Lim Cho Hock: No, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: And then?

Tuan Lim Cho Hock: It is more of practice to consult certain particular bodies.

Tuan Yang di-Pertua: Carry on!

Tuan Lim Cho Hock: Sir, I hope the Government will not use the legal system as a political weapon to hammer down the Opposition or to hammer down those who are against the Government—I hope not. And maybe the Government has got in mind of a case against one "big shot", hoping that he will not be able to appeal to the Privy Council.

Tuan Yang di-Pertua: What? Repeat it!

Tuan Lim Cho Hock: I hope the Government will not use this to try to stop an appeal by a "big shot", who has just been charged in court, to the Privy Council.

Tuan Yang di-Pertua: To try to stop?

Tuan Lim Cho Hock: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Carry on!

Tuan Lim Cho Hock: Sir, it is very dangerous for Parliamentary democracy that the Government should use the legal system, the Judiciary, for its political end, and I hope therefore that the Government will never use the legal system to try to

Tuan Yang di-Pertua: You are imputing improper motive on the part of the Government. Withdraw that remark!

Tuan Lim Cho Hock: Yes, I withdraw that remark.

Finally, Mr Speaker, Sir, I would say that the Privy Council is more or less a body that exercises some sort of moderating influence over the Government's policies and actions. With the Privy Council hanging over the head of the Government, then the Government will not dare to go into extremes, into excesses. Therefore, the Privy Council should be retained under all circumstances unless and until we can evolve another Court of Appeal similar to that of the Privy Council.

3.03 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoon (Kemping): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat jangan berucap lebih daripada 10 minit kerana ada banyak lagi Rang Undang-undang yang hendak dibahaskan.

Dr Tan Chee Khoon: Perbahasan tentang Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh!

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu di dalam Dewan ini saya telah memuji dan mengulaskan Menteri Undang-undang tentang Rang Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian yang mana Menteri yang berkenaan telah berhubung dan membincangkan Rang Undang-undang itu selama lima tahun sebelum beliau membawa Rang Undang-undang tersebut ke Dewan ini dan selepas Rang Undang-undang itu diluluskan di dalam Dewan ini kita diberitahu pula Kerajaan akan menerima cadangan-cadangan dan syor-syor yang akan dikemukakan kepada Menteri Undang-undang.

(*Dengan izin*) Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, the Government was most extremely fair and having regard to the important nature of that Bill, the Government did quite rightly—and I have unstintedly praised the Government for its very cautious approach to that major piece of legislation and for its fair minded attitude. Unfortunately, this has not been so with quite a number of other pieces of legislations and in particular this piece of legislation which does not contain many pages. The relevant Clause 13 seeks to amend Section 74 of the Principal Act whereby appeals to the Privy Council in matters regarding constitutional and criminal cases are not allowed, but appeals of civil cases are allowed.

Mr Speaker, Sir, in any democracy there are three branches—the Legislature, the Executive and the Judiciary—and if we are to practice democracy as it should be practised, then there should not be an over-excess of power in the hands of any particular branch and, in particular, one should see that the Judiciary is not hamstrung, because in the ultimate analysis, it is the

Judiciary that the man-in-the-street bases his hopes on. The Legislature can, of course, as we are aware, bulldoze any legislation. The Executive, following the example of the Legislature, can execute the laws that the Legislature has bulldozed through, but the hope of the man-in-the-street is that the Judiciary will interpret the legislation in the way that it thinks the Legislature had in mind and protect any excesses of both the Legislature and the Executive.

I want to ask the Honourable Minister of Law why is it that, in a piece of legislation as important as this one, the advice of the Bar Council has not been sought. I am in agreement with the Minister, and perhaps with lots of other lawyers, that it is not mandatory on the part of the Minister of Law to consult anyone, even the Bar Council. But I would hope that on any major piece of legislation the Minister of Law would want to consult a body which is independent, which is knowledgeable and which can feed him with advice. It is up to the Minister, having got the advice, to accept it or reject it. I would be very grateful if the Minister in his reply will give us an answer as to why the Bar Council has not been consulted on this important matter.

Mr Speaker, Sir, the other thing, as I have mentioned before, is that civil cases can now go right up to the Privy Council but not criminal cases which deal with life and death—the life of a person is at stake, yet he cannot appeal—or constitutional cases—the Honourable Member for Ipoh, I believe, is very concerned, and quite rightly so, about the rights of the minority races as enshrined in our Constitution. Now, if we have these rights that are being violated and we cannot go to the Privy Council, then I would say that in a small measure the rights that are enshrined in the Constitution are curtailed. Now, Mr Speaker, Sir, I myself am not that concerned over civil cases because, as we know, civil cases usually involve rich people, but in criminal cases and constitutional cases the man-in-the-street is concerned. We have heard of Lee Meng in the early days of the Emergency, whose case went up to the Privy Council and she won the case. Now, if this approach to the Privy Council had been denied to her she would be six feet

below ground now. So I would make an appeal to the Honourable Minister to refer this case to a Select Committee.

Mr Speaker, Sir, I will agree with the Minister and the Government that we cannot carry on this practice *ad infinitum*. We cannot have this system of appeal to the Privy Council *ad infinitum*. Some day we must have our Federal Court of Appeal to be the last voice in this country. But we are a nascent democracy, Mr Speaker, Sir, and it behoves all of us to nurture and strengthen this democracy. One of the best ways of ensuring that this democracy can succeed is to see that the Judiciary is strengthened. I have in the past and I shall continue to have high regard for our Judiciary, but our Judiciary, I hope, will be the first to admit that they have very little experience in constitutional matters for the simple reason that very few cases go before the Federal Court in matters regarding the interpretation of the Constitution, rights as enshrined in our Constitution and as such, the time is not appropriate for us in this House to try and tamper with this basic right of appeal to the Privy Council with regard to the matters concerning criminal and constitutional cases. Perhaps in another quarter of a century, when most of us in this House may not be around, the time may be ripe—I do not know—but until then, I would hope that the Government will have second thoughts on this piece of legislation.

3.12 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya turut berdiri untuk memberi sedikit perbahasan di atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi Meminda Akta Mahkamah, 1964, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill seeks to enlarge the jurisdiction of the High Court and the Subordinate Courts to try offences committed under (1) the Official Secrets Act, 1972; (2) the Sedition Act, 1948; and (3) to try offences committed outside Malaysia by a citizen, permanent resident or non-citizen. The Bill appears to have been borne out of student demonstrations against the Prime Minister during his recent visit to Australia and New Zealand. Although the Government attempts to

explain that these repressive measures are necessary in a non-homogenous society like ours, one should ask whether there is any need to extend this jurisdiction extra-territory. It is clear that the Government has muzzled everyone in the country from showing any opposition or dissent to its policies. Now the Government effectively seeks to prohibit dissent or opposition from the students and others who are overseas for it may be thought that these repressive measures may effectively put an end to all opposition. If the Government had given it serious consideration, it may not seek to rush through this Bill, let alone introduce it. In all democratic countries, demonstrations within and without the country are accepted as natural and as a channel through which the people's dissatisfaction to its policies may be manifested. Having effectively shut up the people's mouths within the country, we are now proceeding to effectively shut out from our ears the only rumblings—the smoke signals of dissatisfaction, discontent of the people, through the mouths of the students overseas, the literate and well-informed section of our society.

Mr Speaker, Sir, the abolition of appeals to the Judicial Committee of the Privy Council in criminal and constitutional matters again seems to be a political expedient. It may be said and indeed, all things being equal, to welcome the total abolition of appeals to the Judicial Committee of the Privy Council, now that our country has been independent for almost 20 years. To examine whether the move is a prudent one, one has to trace down through history of the now independent countries which were part of the British Empire, with whose legal system we in Malaysia have been associated for over a hundred years.

India which was under British colonial rule for well over 400 years did away with appeals to the Privy Council some years back. That country was able to move in that direction because by the time of its independence and, of course, while the colonial administration was still in power, a sufficient number of Judges had sat not only in the Supreme Court but also in the Lower Courts. By the time of the independence of India, the legal system of the country had developed to such an extent that it was widely realised that it was

prudent and of course prestigious to do away with appeals to the Privy Council. Can we afford to take such a drastic step in view of the fact that our legal system which in its development can rightly be described as being infantile, in the stage of development? The very fact that the privilege of appeal to the Judicial Committee of the Privy Council is being retained for civil cases is indicative that the Government does realise the importance of this august body. The abolition of the privilege of appeals to the Judicial Committee of the Privy Council in criminal and constitutional matters is clearly aimed at seeking summary punishment, summary punishment in matters affecting the liberty of the subject. Admittedly, in view of the security situation in the country, there may be a need to legislate stringent laws to act as a deterrent but it must be emphasised that such stringent measures should not affect the liberty of the subject which the Bill, if passed, will surely affect.

Mr Speaker, Sir, it is highly regrettable that the views and opinions of the Bar Council were not sought over this Bill which is going to affect the whole system of the Judiciary. I understand that members of the Bar have always objected to this move to abolish appeals to the Privy Council on criminal and constitutional cases because the rights of the individual in criminal and constitutional matters were far more important than in civil cases. If this Bill is passed, the life, liberty and freedom of the citizen would definitely be restricted constitutionally.

Sir, since the constitutional rights of our people are the very foundation of a society, we in the D.A.P. would therefore urge the Minister of Law to withdraw this obnoxious, undemocratic piece of legislation in the name of democracy. Alternatively, if the Minister of Law is not willing to shelve or withdraw this Bill, I would propose that a National Referendum be conducted so as to allow the people of our country to decide on this very important matter which is going to affect the liberty, freedom and constitutional rights of our citizens. I am sure the Honourable Minister will probably say that this is not necessary for the simple reason that the Barisan Nasional Government has an overall majority in this House and therefore an overall mandate from the people, just as

they said yesterday that the Government were not representing the Bar Council but the people. Yes, it is true that the Government has a majority in this House, but let me remind the Government that any attempt to abuse this unconstitutional, oppressive and undemocratic means will surely bring about further resentment from the people and I believe the symptoms of such dissent, frustration and dissatisfaction are already showing and I hope the Government will wake up to those symptoms.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh atas satu perkara sahaja iaitu rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah satu tujuan yang pada pendapat saya yang baik sekali. Saya masih ingat lagi apabila kita membahaskan Budget tahun lepas, saya telah mencadangkan pada masa itu bahawa negara kita telah mencapai kemerdekaan sejak 18 tahun dahulu tetapi sampai masa sekarang pun nampaknya kita masih belum jadi dewasa, kerana kita masih ada peruntukan undang-undang yang mana kita masih kena membuat rayuan yang tertinggi kepada Judicial Committee of the Privy Council.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, even last year, I had already stated that we have reached a stage whereby we have already grown up and are able to look after our own affairs and that I am sure—and I am also sure that many will agree with me—that we have our own Jurists who are capable of deciding our own future whether it concerns constitutional, civil or criminal matters. Here I congratulate the Honourable Minister involved for actually seeing my point of view which I stated last year that we must repeal all appeals to the Judicial Committee of the Privy Council, and here I would suggest that we must evolve our own system of the court of highest appeal. Here I also suggest again to the Honourable Minister that we should have our own Judicial Committee, perhaps a Judicial Committee of the Senate, whereby the Government should appoint to the Senate our own professionally qualified

Jurists to sit on this Judicial Committee of our own Senate to decide on our own matters on either civil, criminal or constitutional matters.

I remember that last year when I raised this proposal, i.e. on the repeal of appeals to the Privy Council, the Honourable Minister said that if we repeal such a provision, overseas investors may lose confidence in the sense that they may not want their matters to be finally decided by us. But I said that there is no difference because whether others have confidence in us or not, it is not because of the fact that we have or we do not have appeals to the Privy Council. I, finally, still hope that we would evolve our own system is the administration of justice, especially a Judicial Committee at the highest level, beyond the Federal Court level, so that the liberty and freedom of the subject will be decided by us in our own country. Of course, I would like to make one last comment, that is, those who oppose the Bill seem to harbour the opinion that liberty and freedom are at stake which is, in fact, not the case at all; at most, it is only fear, and I do not think that fear is justified.

3.24 *ptg.*

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) (No. 2) kerana memandangkan keadaan negara kita pada hari ini.

Selama ini kita sentiasa menghormati pemikiran-pemikiran orang ramai dan kita sentiasa juga menghormati hak asasi manusia, kedaulatan tiap-tiap umat manusia yang ada di dalam negara kita tetapi dalam negara kita ini terdapat berbagai-bagai pengaruh telah datang dan beberapa kali kita lihat kekejaman berlaku dan pada ketikanya kita menyangkakan bahawa ada di antara warganegara dalam negara kita ini tidak lagi takut kepada undang-undang, tidak lagi menghormati kepada kedaulatan hak asasi tiap-tiap seorang warganegara yang ada dalam negara kita ini. Memandangkan kepada keadaan itulah, saya rasa telah tiba masanya pihak Kerajaan kita memikirkan masa hadapan negeri kita sendiri dan hendaklah membuat permulaan dari sekarang. Permulaan yang dijalankan oleh Kerajaan kita terutama sekali ialah mengubah-suaikan undang-undang yang

ada dalam negara kita ini. Sebab itulah saya menyokong penuh supaya Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) (No. 2) ini diterima oleh kita semua.

Memanglah menjadi perkara biasa tiap-tiap sebarang perubahan yang hendak dilakukan di dalam negara kita ini timbul berbagai-bagai syak-wasangka, takut ataupun tidak mempercayai kebolehan yang ada di dalam negara kita daripada segi undang-undang. Maka tidaklah hairan pada diri saya sendiri pihak-pihak Pembangkang menerangkan kesusahan hati mereka ataupun keraguan mereka kerana memang sudah tugas mereka. Pada pihak Kerajaan, saya berharap akan bertindak tegas dan akan meluluskan dalam perkara pindaan-pindaan undang-undang yang ada di dalam negara kita ini demi untuk kepentingan negara kita yang ada sekarang.

Kita semua sedar pada hari ini bahawa negara kita yang kaya-raya tiap-tiap orang yang melakukan jenayah di dalam kepala mereka memikirkan kalau mereka ada duit, mereka boleh selamat, mereka boleh appeal sampai ke mana-mana sekalipun sebab undang-undang di dalam negara kita ini menjamin hak mereka tetapi ada kalanya disalahgunakan. Maka saya berharap dengan adanya pindaan ini akan diterima oleh pihak orang ramai dan akan berjalan sebagai langkah permulaan untuk negara kita mempunyai kehakimannya yang bersendirian yang sesuai untuk pemikiran keadaan negara kita yang ada sekarang.

Kita semua sedia maklum Jabatan Kehakiman dalam negara kita pada hari ini, memang sentiasa dihormati dan menjalankan dengan matangnya segala hukuman-hukuman dengan bersendirian dan ini diakui. Jadi masaalah rayuan-rayuan kepada Privy Council itu, saya menyokong pendapat sahabat saya dari Rengam bahawa ianya tidak mustahak, kerana kita mesti mempunyai kepercayaan kepada kebolehan-kebolehan yang ada di dalam negeri kita ini, walaupun pada permulaannya timbul keraguan tetapi sejauh mana kita hendak mengharapkan kepada negara-negara lain untuk menentukan undang-undang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pindaan ini, saya minta Kementerian Kehakiman menambahkan kakitangannya iaitu kedudukan Penasihat Undang-undang dan

Usul ini bertujuan untuk melantik dua orang Ahli bagi mewakili Parlimen di dalam Jumaah Universiti Malaya sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Universiti tersebut iaitu Jumaah hendaklah terdiri daripada antara lain, dua orang wakil bagi Parlimen.

Peruntukan ini telah diadakan berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975 mulai daripada 12hb Mei, 1975. Perlantikan ini ialah bagi tempoh selama 3 tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh Statut Universiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul ini untuk diluluskan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan perenggan (i) Seksyen 13 kepada Jadual Perlembagaan Universiti Malaya, Dewan ini dengan ini mencalonkan Yang Berhormat Encik Zakaria bin Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Encik Lew Sip Hon menjadi wakilnya dalam Jumaah Universiti Malaya selama tempoh 3 tahun mulai daripada 13hb Mei, 1975.

USUL

**AKTA ACARA KEWANGAN, 1957
(PINDAAN, 1972)**

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) seksyen kecil (4), Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, 1957 (Pindaan, 1972) Dewan ini membuat keputusan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah.”

Mengikut peruntukan perenggan (a) seksyen kecil (4) Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua Akta tersebut.

Tujuan Tabung Amanah Pinjaman Perumahan ini ialah bagi memberikan pinjaman untuk membiayai rancangan-rancangan perumahan yang akan dilaksanakan bagi faedah golongan-golongan berpendapatan rendah dari semua kaum di negara ini. Oleh itu, Tabung ini akan digunakan bagi semua tujuan-tujuan yang berkaitan dengan rancangan-rancangan tersebut termasuklah pembelian tanah, pembangunan tapak-tapak perumahan, pembangunan infrastruktur dan pembinaan rumah-rumah juga kelengkapan-kelengkapan yang berkaitan.

Rancangan Perumahan ini akan meliputi 4 rangkai rancangan seperti berikut:

- (i) Rancangan Perumahan yang ditujukan khas kepada mereka yang mempunyai tanah-tanah disekitar sesuatu estet perindustrian untuk menampung keperluan pekerja-pekerja, khasnya mereka yang berhijrah daripada luar bandar ke bandar;
- (ii) Rancangan Perumahan untuk meningkatkan taraf penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru;

- (iii) Rancangan Perumahan untuk pekerja-pekerja estet dan lombong-lombong sebagai yang telah diperakukan oleh Pasukan Petugas bagi kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja di ladang getah dan lombong; dan
- (iv) Rancangan Perumahan bagi memin-dahkan setinggan-setinggan dan lain-lain yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan.

Dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut di atas, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang boleh menghasilkan objektif Dasar Ekonomi Baru menurut kedua-dua serampang strategi iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat demi perpaduan negara.

Oleh kerana Tabung Amanah ini akan dijalankan atas dasar bahawa ianya akan memberikan pinjaman-pinjaman kepada mereka yang berkelayakan di bawah satu atau mana-mana kategori yang telah saya sebutkan, jelaslah bahawa akan terdapat syarat-syarat yang tertentu yang harus dipenuhi secara detail sebelum pinjaman-pinjaman tersebut dikeluarkan. Perkara-perkara ini termasuklah keupayaan pemohon membayar balik pinjaman, jangka masa di mana pinjaman tersebut dikeluarkan dan seterusnya. Jumlah yang boleh dipinjamkan kepada seseorang pemohon yang berjaya tidak akan melebihi \$5,000. Faktor utama di dalam menentukan kelulusan pinjaman ialah keupayaan pemohon untuk membayar balik supaya Tabung ini dapat dipusingkan ke peringkat yang optima. Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru akan menguruskan Tabung Amanah ini dan resolusi yang dibuat di Dewan ini ialah untuk mendapatkan kelulusan bagi sejumlah \$10 juta untuk didahulukan kepada Tabung ini supaya rancangan ini dapat dilaksanakan oleh agensi tertentu dari Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang ini untuk mengemukakan satu

perkara berkaitan dengan perkara di hadapan kita sekarang, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, while all would support the principle of the provision of housing and housing loans to enable the low income groups to own houses or to have houses of their own, I feel it is necessary at this juncture to remind and to bring to the attention of the Government that invariably we find that the very noble objectives of provision of houses or housing loans to the poor are betrayed. In the process of implementation where houses are built on public funds, housing loans derived from public coffers meant to assist the low income groups to own houses are betrayed in the sense that they go into the hands of those undeserving ones, into the hands of those who are well-to-do, who are not definitely in the low income groups. We have many glaring instances, countless in number, of Government housing schemes up and down the country where public low-cost houses built on Government funds for the lower income groups are allocated to people with very high incomes. There was an instance where I wrote to the Honourable Minister of Housing where it was even allocated to a person whose income exceeds \$1,000 a month in Pulau Sebang in Malacca. That is not an exception to the rule. In fact, it is very common—people of high incomes or who are well positioned and with influential connections get housing while the genuinely poor for whom Government housing projects and housing loans are meant never reach them. I do not know what measures the Finance Ministry has to effectively ensure that there is no betrayal or deviation from the objectives of this housing loans provision because if this thing continues, then the credibility of the Government in wanting to help the poor to own houses will become even more unacceptable, even more laughable and ridiculous. So, I hope that, in this matter, the Honourable Deputy Minister of Finance, together probably with the Minister of Housing, can take proper effective safeguard measures to ensure that these public funds meant for the provision of housing and housing loans are genuinely and properly administered and used to the benefit of the poor of all races in all sections of Malaysia. Thank you.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat Menteri hendak menjawab?

Tuan Michael Chen Wing Sum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) The Honourable Member for Kota Melaka has made some observations on this Revolving Fund and he has also brought up one question regarding the unfair distribution of the low-cost houses in Malacca. I can assure this House that, as far as distribution is concerned, the Government is as keen as any Honourable Member to see that the houses go to the genuinely poor people and the deserving cases. But, unfortunately, in our society, still there are some greedy people who do not quite observe the principle and the spirit of the Government's effort to provide houses for the poor people, and so they also apply for these houses. It is quite difficult, I must admit, for the Government to see that every case is being properly investigated. In future, I can assure the Honourable Members in this House that we will be more careful on this. However, I would like to invite the Honourable Members of the respective kawasan whenever we have houses distributed in that kawasan, to come and help. By doing so, I hope the Honourable Members in this House will also come forward to give us information whenever available. In the case of Malacca, I take this opportunity to inform the Honourable Member for Kota Melaka—and I am grateful that the Honourable Member has brought up this case to this House—my Private Secretary has, in fact, today gone down to Malacca to personally investigate this case and I can assure this House that whenever such cases happen, my Ministry will take the necessary steps to rectify them. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Mengikut Peruntukan di bawah perenggan (a) seksyen kecil (4), Seksyen 10 Akta Acara Kewangan, 1957 (Pindaan, 1972) Dewan ini membuat keputusan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut di-

pinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah.”

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.44 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi meminda Kanun Keseksaan Bab 45” dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggantikan ketiga-tiga Kanun Keseksaan (Penal Code) yang berlainan yang semasa ini berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak, dengan satu Kanun sahaja dengan memperluaskan Kanun Keseksaan yang berkuatkuasa di Malaysia Barat ke Malaysia Timur. Manakala pindaan-pindaan sedang dibuat untuk menyatakan ketiga-tiga Kanun Keseksaan (Penal Code) yang berlainan itu supaya menjadi satu Kanun sahaja, kesempatan adalah diambil untuk mengadakan beberapa pindaan. Pindaan-pindaan ini adalah dihuraikan dengan sepenuhnya dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu dan di sini saya hanya ingin menerangkan pindaan-pindaan besar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada pindaan-pindaan besar dalam Rang Undang-undang itu ialah mengadakan bagi kali pertamanya prinsip bidangkuasa luar negeri yang biasanya terdapat dalam Negara-negara Komanwel. Misalnya, Kanun Keseksaan (Indian Penal Code) ada mempunyai kuatkuasa luar negeri, oleh kerana seksyen 4 Kanun itu mengadakan peruntukan yang dalam bahasa Inggerisnya berbunyi:

“Extension of Code to extra territorial offences.

4. The provision of this Code applies also to any offence committed:

- (1) by any citizen of India in any place without and beyond India;
- (2) any person on any ship or aircraft registered in India whatever it may be”.

Dalam Bahasa Kebangsaannya berbunyi:

"Perluasan Kanun bagi meliputi kesalahan-kesalahan di luar negeri.

4. Peruntukan-peruntukan Kanun ini adalah juga dipakai bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh:

- (1) seseorang warganegara India di mana-mana tempat di luar India;
- (2) seseorang dalam mana-mana kapal atau kapaludara yang didaftarkan dalam India di mana-mana jua kapal atau kapaludara itu berada".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang itu, yang mengadakan suatu seksyen 4 yang baru, membolehkan kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI Kanun itu, yang dilakukan oleh seseorang warganegara atau pemastautin tetap di luar Malaysia atau dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapal udara, samada atau tidak kapal atau kapal udara itu didaftarkan dalam Malaysia, diuruskan di bawah Kanun itu seolah-olah kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan dalam Malaysia.

Pindaan-pindaan ini adalah selaras dengan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan di luar Negeri, 1975, (yang akan dibentangkan juga) Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan), 1975, (yang telah kita luluskan), dan Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan), 1975 (yang akan dibawa juga) dan semuanya ini yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen sekarang ini dengan tujuan untuk membolehkan mahkamah-mahkamah Malaysia membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan (peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan kedurhakaan) dan kesalahan-kesalahan di bawah Rang Undang-undang kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, yang dilakukan di luar negeri manakala beberapa pindaan tertentu kepada Kanun Acara Jenayah (Seksyen 127A dan 127B) memperuntukkan acara bagi menguruskan kesalahan-kesalahan itu jika ia dilakukan di luar Malaysia. Dengan pindaan-pindaan ini dan pindaan-pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman, Akta Mahkamah Rendah Malaysia Barat dan Ordinan-ordinan Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak, Mahkamah-mahkamah dalam Malaysia sekarang

ini akan mempunyai bidangkuasa (jurisdiction) untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-undang itu mengadakan pindaan-pindaan matan. Pindaan-pindaan ini adalah dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang itu. Khususnya Fasal 3 (5) bertujuan untuk menambah denda maksima yang dinyatakan dalam bentuk wang dengan mendarab amaun yang ada sekarang dengan empat iaitu dijadikan empat kali ganda. Oleh yang demikian, pindaan ini akan bersesuaian dengan nilai wang yang ada pada masa sekarang ini.

Undang-undang ini telah dibuat 40-50 tahun dahulu, kadang-kadang hukumannya tidak seimbang, misalnya, \$100 atau 3 bulan jel. Selalunya orang yang kena tuduh itu yang bersalah membayar \$100 mengelakkan daripada hukuman jel 3 bulan, padahal tidak seimbang, sepatutnya 3 bulan jel itu kalau hendak dipadankan sekurang-kurangnya \$1,000 barulah sepadan samada hendak bayar denda atau hendak masuk jel.

Pindaan besar lain yang perlu diterangkan ialah pindaan kepada seksyen 216. Maksud pindaan itu ialah untuk menghapuskan suatu peruntukan ganjil yang diwujudkan oleh suatu pindaan kepada Kanun itu oleh Ordinan Keadilan Jenayah, 1953, yang menghapuskan hukuman perhambaan keseksaan ("penal servitude") ini hendak dibuang. Hukuman perhambaan ("penal servitude") keseksaan adalah pada satu masa dahulu suatu hukuman penjagaan ("custodial sentence") yang berlainan sifat-sifatnya dari hukuman penjara. Oleh itu, seksyen-seksyen Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman perhambaan keseksaan ("penal servitude") seumur hidup telah dipinda menjadi "imprisonment" atau maknanya hukum penjara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi seksyen dalam Ordinan itu memperuntukan bahawa hukuman penjara seumur hidup hendaklah disifatkan bagi semua maksud sebagai suatu hukuman penjara selama 20 tahun (Life imprisonment means 20 years in prison). Sebelum pindaan dalam tahun 1953 itu, banyak seksyen-seksyen yang mengwujudkan kesalahan-kesalahan yang lebih besar telah mengadakan hukum alternatif bagi Mahkamah iaitu "penal servitude for life or imprisonment for a term which may not extend to 10 years"; dalam Bahasa

Kebangsaannya hukuman perhambaan keseksaan seumur hidup atau penjara selama suatu tempoh hingga 10 tahun. Pindaan ini mewujudkan suatu keadaan dalam mana hukuman maksima di bawah seksyen-seksyen ini, walaupun dinyatakan sebagai "for life" (seumur hidup), adalah sebenarnya 20 tahun, yang baginya ada pula suatu hukuman alternatif yang tidak lebih daripada 10 tahun. Mahkamah Persekutuan mendapati keadaan kekosongan dalam undang-undang ini ("lacuna") dan menetapkan bahawa sungguhpun sesuatu mahkamah boleh menjatuhkan hukum penjara 20 tahun iaitu seumur hidup tetapi mahkamah itu tidak boleh menjatuhkan hukum penjara antara 10 dan 20 tahun. Bagi mengatasi kesulitan ini atau "lacuna" ini adalah dicadangkan supaya 20 tahun itu dijadikan hukum penjara maksima yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan-kesalahan yang pada masa sekarang boleh dikenakan hukum penjara seumur hidup, dan supaya semua sebutan mengenai hukuman penjara alternatif dipotong, kecuali bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI iaitu peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan kedurhakaan. Di sini hukuman dalam treason hukum penjara seumur hidup adalah dikekalkan, dengan suatu hukum alternatif iaitu hukum penjara hingga 20 tahun, kerana kesalahan menderhaka ini ataupun treason ini adalah lagi besar daripada kesalahan-kesalahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan membolehkan seseorang Hakim dalam sesuatu kes yang melibatkan bahaya yang melampau kepada sesuatu Negeri atau negara, menjatuhkan suatu hukum yang ditakrifkan di bawah suatu seksyen 130A yang baru itu iaitu hukuman penjara sehingga orang yang dihukum itu mati, manakala pindaan itu juga membolehkan Hakim menjatuhkan suatu hukuman alternatif dalam sesuatu kes kurang melampau, iaitu hukum penjara hingga 20 tahun. Maknanya kalau seorang didapati bersalah dalam Penal Code dengan kesalahan treason ataupun penderhakaan kalau dijatuhkan hukuman seumur hidup bermakna dia itu duduklah dalam jel hingga akhir hayatnya, tetapi yang lainnya tidak begitu; cuma 20 tahun sahaja.

Satu lagi pindaan adalah didapati dalam Bahagian IV Jadual itu yang membuat pindaan-pindaan besar kepada Bahagian VI

Kanun Keseksaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan berhubung dengan duit ("coin"). Mengikut undang-undang yang ada sekarang, suatu perbezaan ganjil adalah terdapat antara "coin" dengan "current coin", "current coin" ialah duit Malaysia dan "coin" ialah duit negeri asing daripada Malaysia. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkenaan dengan duit semasa boleh dikenakan hukuman lebih berat daripada kesalahan-kesalahan berkenaan dengan duit yakni hukuman kepada "current coin" boleh diberi lebih berat daripada hukuman coin iaitu duit luar negeri. Perbezaan seperti itu tidak terdapat dalam Kanun Keseksaan Sabah dan juga dalam Kanun Keseksaan Sarawak. Di Sabah dan di Sarawak, memalsu ("counterfeiting") apa-apa "coin" ini termasuk note yang boleh digunakan sebagai wang, samada wang itu dalam negeri di mana pemalsuan itu berlaku atau di mana mana negeri lain, adalah dikenakan penalti maksima yang sama iaitu satu hukuman. Sebagaimana keadaan sekarang, seseorang pemalsu wang yang tinggal, misalnya, di Singapura, akan beruntung membuat duit palsu Singapura dalam Malaysia oleh kerana jika ditangkap mereka itu akan mendapat hukuman yang lebih ringan daripada hukuman yang akan didapati olehnya jika ia melakukan kesalahan itu di Singapura. Keganjilan ini telah diambil dari Kanun Keseksaan India dan adalah hasil dari keputusan politik India yang dibuat lebih 100 tahun dahulu untuk memberi taraf yang lebih tinggi kepada duit Kerajaan India berbanding dengan duit lain daripada India, apa yang dipanggil pada masa itu "native States". Oleh kerana nampaknya tiada apa-apa sebab yang baik bagi kita mengekalkan perbezaan itu, pindaan-pindaan kepada Bahagian VI Kanun itu dalam Bahagian IV Jadual Rang Undang-undang itu akan menghapuskan keganjilan dan perbezaan yang kita pesakai hingga sudah 100 tahun kita ubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan berkenaan dengan The Schedule, Part III, muka 8 dan juga Explanatory Statement paragraph 2—the Schedule, Part IV, muka 8 sebagaimana kertas-kertas yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya adalah seperti di bawah:

*EXPLANATORY STATEMENT—
paragraph 2—*

The Schedule, Part III (page 8) Delete the words “spells out in greater detail the ingredients of offences against the State and”.

*EXPLANATORY STATEMENT—
paragraph 2—*

The Schedule, Part IV (page 8) Substitute the words “Chapter XII” for the words “Part VI”.

HURAIAN—PERENGKAN 2

Jadual, Bahagian IV (muka 8) Gantikan perkataan-perkataan “Bahagian VI” dengan perkataan-perkataan “Bab XII”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Huraian sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN) DAN PERLUASAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Akta Jenayah Bab 6 dibaca kali yang kedua sekarang.

Sebelum saya menghuraikan masalah Rang Undang-undang ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pindaan yang dibuat ke atas Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah didapati dalam salinan-salinan slip yang dipinda dan yang telah diedarkan, dikelilingkan.

Maksud Rang Undang-undang ini adalah untuk menggantikan keempat-empat Kanun Acara Jenayah atau Criminal Procedure Code yang berlainan yang sekarang ini berkuatkuasa di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka dan di sembilan buah negeri lain yang beraja dalam Semenanjung Malaysia dan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dengan satu kanun sahaja yang akan dipakai di seluruh Malaysia. Langkah ini telah diambil menurut peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh Persidangan Agong Tahunan Hakim-hakim (the Annual Conferences of Judges). Manakala pindaan-pindaan sedang dibuat bagi menguatkuasakan keempat-empat kanun jenayah yang berlainan itu untuk menjadi satu kanun sahaja yang akan dipakai diambil untuk mengadakan beberapa pindaan lain. Pindaan-pindaan itu telah diterangkan dengan sepenuhnya dalam huraian kepada Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab perkara ini sangat complicated, izinkan saya mengulangi bacaan dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, one of these amendments is the deletion of the existing section 113 and its substitution thereof by a new section 113. Hitherto, no statement made by an accused person to a Police officer in the course of Police investigation has been made admissible in evidence at any trial. However, the protection of the accused from self-incrimination has been much eroded by

subsequent laws that now in trials for nearly a hundred different offences under 13 laws "the cautioned statement procedure" applies. The object of the proposed amendment is to extend this procedure to all criminal investigations and trials.

Another amendment to the Criminal Procedure Code is the introduction of two new sections 127A and 127B. This amendment is major and goes hand in hand with the Extra-territorial Offences Bill, the Courts of Judicature (Amendment) Bill and the Penal Code (Amendment and Extension) Bill. Whilst certain amendments are made to the Penal Code, namely Chapter VI (provisions dealing with treasonable offences) and a new Bill, the Extra-territorial Offences Bill, is being tabled in the current session of Parliament with a view to give offences under Chapter VI and the new Bill extra-territorial effect, the new section 127A of the Criminal Procedure Code (Amendment and Extension) Bill provides the procedure for dealing with these offences if committed outside Malaysia. With these amendments and the amendments to the Courts of Judicature Act, the Subordinate Courts Act of Malaysia and Subordinate Courts Ordinances of Sabah and Sarawak, all the courts in Malaysia will now have jurisdiction to try the offences stated above.

The proviso to section 127A provides the necessary safeguard in that trial in Malaysia for offences under Chapter VI of the Penal Code, i.e. treason, and in the Extra-territorial Offences Act committed abroad will not follow automatically but will require the certificate of a Malaysian diplomatic officer in that territory where the offence is alleged to have been committed that the charge ought to be enquired into in Malaysia or, where there is no diplomatic officer, only with the sanction of the Public Prosecutor. The second proviso to section 127A will bar further prosecution in Malaysia if the offender has been prosecuted in the other country.

Dalam Section 127A itu ada menyatakan bahawa seorang yang telah dituduh di mahkamah luar negeri walau apa kesalahannya pun maka tidak bolehlah mereka itu dituduh sekali lagi di negeri kita.

A new section 127B gives the Public Prosecutor a discretion to direct copies of deposition made or exhibit produced before the diplomatic officer in the territory in which the offence is committed to be received

as evidence by the court holding the inquiry or trial in any case in which the courts have issued a commission for taking evidence on matters to which the depositions or exhibits relate.

One other amendment, which needs to be highlighted, is the amendment to section 138 which is designed to dispense with the need for a preliminary enquiry where a judge, acting under section 417 of the Criminal Procedure Code, transfers a case from a Subordinate Court to the High Court, or where the Public Prosecutor so certifies. The amendment also deals with any case which would otherwise be triable by any Criminal Court subordinate to the High Court if the Public Prosecutor certifies that such cases ought to be tried by the High Court.

The main reason for this is that if that case can be tried by the President of the Sessions Court straightaway, we see no good reason why, when he is to be tried by a judge, there should be a preliminary enquiry. That is why if such a case is triable by subordinate court, or if it is triable by a high court, then there is no need for a preliminary enquiry.

Mr Speaker, I beg to move.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.10 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua atas Rang Undang-undang yang diumumkan oleh Menteri Undang-undang dan saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya hendak bercakap tentang "cautioned statement".

(*Dengan izin*) Dalam pindaan ini, this is extended to all accused. While I do not object to the procedure of a cautioned statement, I want to bring to the attention of the Minister of Law that the officer making this cautioned statement must be absolutely certain that what he is telling the accused or the prisoner is understood by the prisoner. Now, it does not mean that because the prisoner is a Chinese and the Police Inspector is also a Chinese, they can understand each other. They can be poles apart. Now, for example, if the accused is a Hainanese and speaks

only the Hainanese dialect—and there are many in this country who speak only the Hainanese dialect and very little Bahasa Malaysia—and the Police Officer is a Hokkien, let us say, then they cannot understand each other. As such, as a cautioned statement will, I hope, be thrown out of court if it can be proved that the accused did not understand what was being asked of him and that he was finally asked to sign a statement. This is very important, and I hope that the Attorney-General will bring it to the notice of the officers concerned, that it is absolutely certain, when they are taking a cautioned statement, that the accused must know what he is being asked all about and that before he is asked to sign any statement, the statement should be read again and again to him before he is asked to sign it.

The other point I like to raise is regarding the trial of offences committed abroad. Mr Speaker, Sir, when we were debating the Universities and University Colleges Act, I repeatedly asked the Minister whether offences which were laid down in those amendments would apply to our Malaysian students studying abroad and the assurance given by the Honourable Minister was a categorical “No.” He said that the courts in this country have no jurisdiction over the acts of any one of our citizens abroad. Now I regret to say that as a result of the adverse reaction towards the visit of the Honourable Prime Minister to New Zealand and Australia very recently, the Government has thought it fit to bring forth this Extra-territorial Rights, and to bring to book what it thinks are acts not in the interest of this country. Now the Minister knows, as well as anybody, that what we in this country may regard as a crime may not necessarily, be regarded as a crime in, let us say, Canberra or in Melbourne, and our students while they are in Canberra or in Melbourne naturally follow the norms of that place. In other words, in Australia and in other democratic countries, they can say “boo” to the Prime Minister, and it is not a crime. They can picket and rail against the Government. That is not a crime. Unfortunately, in this country, it is a crime to hold demonstrations and it is a crime for our university students to do a lot of things which are prohibited to the man-in-the-street. Now this is the crux of the problem. Our students abroad live in a society which is really free, which allows

its citizens and its “guests” to do all sorts of things without it being regarded as a crime but we in this country do not and as a result of which, if a person returns to this country, then he is liable to be prosecuted.

Now I notice, Mr Speaker, Sir, that following a disposition made by a diplomat—and a “diplomatic officer” is defined as “an Ambassador, High Commissioner, Minister, Charge d’Affaires, Deputy High Commissioner, Secretary and Attache of a Diplomatic Mission of Malaysia, including a High Commission within the meaning of the Diplomatic and Consular Officers (Oaths and Fees) Act, 1959—I submit that these are very important persons. These are very high officials and it is not likely that these people will be in contact or actually see the offences that they are asked to certify. As such, they will be making a report to the home government on heresay evidence, and I hope the Honourable Minister of Law will explain how the Judiciary or the Government has descended to such a low status as to go by heresay evidence. I notice that in the Essential (Security Cases) Regulations, 1975, heresay evidence has been struck off. In effect, by our definition of a “diplomatic officer”—and he is a High Commissioner, he is a Deputy High Commissioner, he is a Minister, he is a Charge d’Affaires, etc.—these are people who do not go and see things by themselves by the very nature of their duties and, as such, they must—I reiterate—go by press reports maybe, or reports made by the Police or reports made by officers in the diplomatic mission, i.e. the low echelon of officers, and these are all heresay evidence and I hope that the Honourable Minister will take into consideration these things.

But, to come back to the crux of this, this is a panic measure which is unworthy of any government. The recent incidents connected with the visit of the Prime Minister are regrettable, I agree, but they serve as a voice of dissent and, unless the Government is now telling us that there can be no voice of dissent whether in this country or outside this country as well, then I do not know where the Minister of Law, in particular, is leading us in this country to. Is he going to tell us that the voice of dissent in this country is being ruthlessly stamped out and the voice of dissent outside this country also will be ruthlessly stamped

out, particularly by the younger generation. I would have thought that any Government would welcome the younger generation to be vocal so as to train them to be more responsible in future.

Mr Speaker, Sir, I just have one or two other things to say. To me, it is regrettable that the Minister, in all these three sets of Amendments that he is bringing to this House, is loading the dice against the accused. In a Bill that was passed without debate a little while go, the question of life imprisonment has cropped up and there the dice is loaded against the accused or the convicted person. In this case, the younger generations are now being penalised for giving voice to dissent against, Mr Speaker, Sir, what they think are justifiable voice of dissent. For example, they are against the economic policy of the Government. They have said, and I have heard them say it loudly, that they are against foreign domination of our economy in this country. If they are against it and they make it known in no uncertain terms either at rallies or by publications, will they be subjected to a detailed report by a diplomatic officer and, when they come over, will they be convicted? I would hope that the Government would realise that there must be some form of dissent in any society and unless this form of dissent is allowed, I venture to predict that a very explosive situation can arise.

5.23 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dan saya berpendapat apa yang dikemukakan oleh Peguam Negara sudah kena pada tempatnya.

Saya mengucapkan tahniah serta syabas kepada beliau kerana Rang Undang-undang ini amat berfaedah dan di sini saya dapati bahawa undang-undang di negara kita ini berlainan dengan apa yang ada di dalam Malaysia seperti di negeri Pulau Pinang dan Melaka sebagaimana yang dinyatakan di dalam Huraian ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana adanya daya usaha atau masa yang tepat dan saya berpendapat patut diadakan lebih dahulu lagi undang-undang ini. Rang Undang-undang yang begini adalah sangat bersesuaian dan berpatutan dengan keadaan negara kita, Semenanjung

Malaysia ini. Dengan persesuaian ini juga, saya harap banyak lagi perkara-perkara yang difikirkan perlu yang agak bersesuaian dengan keadaan masa patut diubahkan lagi.

Perkara jenayah adalah satu perkara yang sangat menjadi-jadi di dalam negara kita ini. Saya berharap kepada Peguam Negara yang mana saya percaya dan yakin beliau sedia untuk memikirkan bagi mengamankan negara dengan menjatuhkan hukuman ke atas perkara-perkara yang bersesuaian dengan tujuan supaya negara kita menjadi aman. Selain daripada apa yang kita ambil contoh undang-undang, misalnya apa yang sesuai di England, kita ambil. Begitu juga apa yang sesuai di Sabah, kita ambil dari sana. Jadi saya berharap apa yang bersesuaian untuk membuat hukuman agar penjenayah-penjenayah itu boleh diberhentikan daripada melakukan jenayah. Walaupun perkara itu daripada negeri lain yang bukan negeri jiran kita, misalnya, saya contohkan seperti negeri Jepun.

Saya masih ingat lagi pada masa saya kecil dahulu, satu undang-undang yang dibuat oleh Jepun, barangkali undang-undang ini undang-undang tentera. Tetapi kalau kita memandangkan negara kita pada hari ini apatah lagi negeri yang bersempadan dengan kita sehingga hendak tidur waktu malam pun susah kerana kedengaran berbagai-bagai jenayah dan sebagainya. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang ikhtiarlah dengan undang-undang yang agak sesuai dengan keadaan negara kita yang semakin menjadi-jadi dengan huru-hara dan penyakit jenayah ini supaya kejadian-kejadian itu dapat diberhentikan. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara akan dapat mengikhtiarkan undang-undang yang bersesuaian dengannya supaya segala-galanya dapat diberhentikan.

5.27 ptg.

Tuan Chian Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini dan di sini saya ada satu perkara yang saya harap dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, on page 2 of this Bill, under section 5 of the Schedule, the words "for the 'Republic of

Singapore', are to be substituted with the word 'England' " and on page 11 of this Bill, according to the Explanatory Statement, the existing Section 5 says that where our law is silent on the matter, the laws of Singapore would apply and here we are going to substitute, instead of the word "Singapore", the word "England". I just do not see why we again wish to go back to "England"—not that I like England less and Singapore more—but in regard to this particular matter, in Singapore, there is a Criminal Procedure Code which is very close to our Criminal Procedure Code, but in England, there is no Code with regard to Criminal Procedure. I suggest that it is more appropriate to follow the Singapore Criminal Procedure Code rather than that of England. If there is any lacuna and we need to resort to some legal system to guide us, then I think it would be better for us to leave it open. I think there are other jurisdictions which would also give us solutions. For example, in India, the Criminal Procedure Code is very well interpreted there, and the same is also true with other Commonwealth countries. Why do we restrict ourselves to England alone? Here I wish to suggest that in future we should not depend only on England but we can refer to other systems which I am sure can assist us more.

5.28 *Ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi.

(*Dengan izin*) As regard the cautioned statements, it is the practice of the Police at present always to use an interpreter qualified in that language in recording cautioned statements. Sometimes the ability of the interpreter is always questioned in the court and we and the Police used to test the interpreters in the court, but some of them are even qualified interpreters. We agree that there are different dialects in the Chinese language. Sometimes, for example, when taking a cautioned statement from a Chinese by a Malay Police Officer the statement is taken in Malay and so we have to make sure that the Chinese speaking the National Language is really competent to speak in that language, otherwise a Chinese interpreter will be used. If it is not effective, I can assure the Honourable

Member that we will try him in the court and the cautioned statement will surely be thrown out.

As regards the extra-territorial offences, as I mentioned just now, we have a Bill coming up and he can very well debate on this. But since it has been mentioned, I have to reply to it. Here, I must make it clear once and for all, Mr Speaker, Sir, that, firstly, this practice is not uncommon because, as I have said just now, even in India and other Commonwealth countries, they extend their extra-territorial offences to other countries outside their national territory.

Secondly, this extra-territorial offence is only confined to certain crimes: I must stress this kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, i.e. crimes like treason (*menderhaka*), sedition, offences stipulated in the Official Secrets Act and any other offences against the security of our country—these are the only four crimes. This Bill has nothing to do with the "booing" of the students during the recent visit of our Prime Minister to Australia and New Zealand. They can "boo" and "boo" a thousand times, but it is still no offence. All the students abroad can still dissent and give their views. It is still no offence, unless they commit treason, offences against the Official Secrets Act, sedition and abetting against the security of the Federation. This Bill is very necessary. The students are still free, but what we will not allow is this. For example, we take sedition. Here in Malaysia, we all know that there are some very sensitive subjects. The four matter which we always used to discuss in this House caused blood-shed during the trouble on May 13, 1969. Now these matters will not be allowed to be discussed at all or even questioned in this country, because they endanger the security of this country. Now, imagine a country abroad where we have, say, 2,000 or 5,000 Malaysian students and there may be 2 or 3 of them agitating and talking to these Malaysian students against these four subjects which are prohibited from being brought up and discussed in this country. For example, a Malay student may be talking to other Malay students saying that they should not allow the Chinese—I am quoting an example—to speak Chinese or that they should abolish the Chinese language in Malaysia. Now, on the other hand, a Chinese student may be speaking again, for

example, against Article 152 of the Constitution—special privileges to the Malays—or the position of the Yang di-Pertuan Agong and maybe they may say that they do not want Rulers anymore. Thus they may be agitating among the students on matters of language and education, which are sensitive issues; and they may start writing articles on these matters, holding meetings and forums among themselves. Such students will be coming back to our country later and will become leaders of this country and when they come back, all of them may be prejudiced, and it is a danger. We do not want also our students here to discuss these topics. The students of our four universities, the thousands of them, are not allowed to discuss these subjects. We do not want to allow those students, for example, in England, Australia, New Zealand, Egypt, etc. where thousands of them are studying, to commit offences of sedition or offences against the security of the Federation or even *menderhaka* or treason. That is why we have to pass this Bill. It is a very big objective. We do not take action for just ordinary offences. This is the main reason. At least even if we do not take action against them, we will try to prohibit them. They are free to discuss anything but not to poison the minds of thousands of our students abroad with seditious matters thereby when they come back here, they will become leaders with a prejudicial mind, for example.

Satu misalan lagi affecting security. Mustahak kita luluskan undang-undang ini. Misal kata seseorang rakyat Malaysia di seberang sempadan kita, di sebelah Thailand, atau sejauh 13 batu di laut menjual senjata kepada pengganas-pengganas. Apabila ditangkap hendak dibicarakan di sini tidak boleh oleh sebab kejadian itu berlaku di luar kawasan kita—lebih daripada 12 batu jauhnya adalah di luar kawasan Malaysia. Kalau begitu, bolehlah kita semua berniaga macam itu, hantar senapang, meriam ke negeri ini—tidak salah. Ini satu misalan. Adakah hendak dibenarkan perkara ini atau di luar negeri menjual? Supplying of arms and weapons to the rebels in our country and when they come back, we will try them, because it affects our security. I have mentioned just a few cases, because we are coming to the Bill. So, I hope the Honourable Member for Kepong will

understand this, because he has misunderstood it. The students are still free to “boo” a thousand times against me or the Prime Minister. They may not want to “boo” me. They can do anything except the four offences that I have mentioned.

As regards diplomatic officers here, I can say that under our present law, where the Attorney-General also is not a witness to anything, he certifies the certificates sanctioned to charge certain crimes. So, the certificates of the diplomatic officers merely state that the offences should be enquired into by Malaysia. It does not mean that the diplomatic officer should know it or that he should be an eye witness on that.

As regards the Honourable Member for Rengam berkenaan dengan reference to laws of Singapore being substituted with that of England, I have to remind him here that we amend this Section because the Singapore Criminal Procedure Code itself refers to the law of England. So why should we refer to the C.P.C. of Singapore when Singapore itself refers to the laws of Great Britain. So, that is why we also refer to the laws of Great Britain which Singapore also refers to. There is no other reason for that. That is the main reason. That means our law is almost the same as that of Singapore law.

(Tuan Mohd. Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya terangkan dan juga saya mengucap-kan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang menyokong Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Mohd. Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 1 dipinda mengikut Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaan seperti berikut:

Fasal 1:

- (a) Potong perkataan-perkataan yang berikut—

“, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*”.

- (b) Nomborkan semula fasal 1 sebagai fasal 1 (1).

- (c) Potong nota bidai dan gantikan dengan yang berikut—

“Tajuk ringkas dan pemakaian.”

- (d) Tambah fasal-kecil yang berikut—

“(2) Akta ini hendaklah dipakai bagi semua penyiasatan, siasatan, perbicaraan, kes dan lain-lain pembicaraan yang belum selesai pada tarikh berjalan berkuatkuasanya mengikut cara yang sama seperti ianya dipakai bagi penyiasatan, siasatan, perbicaraan, kes dan lain-lain pembicaraan yang dimulakan selepas berjalan berkuatkuasanya.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Jadual dipinda mengikut Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Jadual—

Seksyen 113: (muka 5)

Potong seksyen-kecil (3).

Seksyen 138: (muka 7 dan 8)

- (a) Potong perkataan-perkataan “and except as provided for in subsections (2) and (3)” dan gantikan dengan yang berikut—

“and, except as otherwise provided in chapter XLII,”

dalam seksyen-kecil (1).

- (b) Potong angka “(1)” yang terdapat selepas angka-angka “138”.

- (c) Potong seksyen-seksyen-kecil (2) dan (3).

Jadual—

Seksyen 417: Gantikan dengan yang berikut—

(muka 10) ‘Potong dan gantikan—

“High Court’s power to transfer cases.”

417. (1) Whenever it is made to appear to the High Court—

- (a) that a fair and impartial inquiry or trial cannot be had in any criminal Court subordinate thereto; or
(b) that some question of law of unusual difficulty is likely to arise; or
(c) that a view of the place in or near which any offence has been committed may be required for the satisfactory inquiry into or trial of the same; or
(d) that an order under this section will tend to the general convenience of the parties or witnesses; or
(e) that such an order is expedient for the ends of justice, or is required by any provision of this Code,

it may order—

- (aa) that any offence be inquired into or tried by any Court not empowered under sections 121 to 126 but in other respects competent to inquire into or try such offence; or
(bb) that any particular case or class of cases be transferred from a criminal Court subordinate thereto to any other such criminal Court of equal or superior jurisdiction; or
(cc) that any particular criminal case be transferred to and tried before the High Court; or
(dd) that an accused person be committed for trial before the High Court; or
(ee) that a person committed for trial in one place be tried in another place.

(2) The High Court may make an order under subsection (1) either on the report of the lower Court, or on the application of the Public Prosecutor or the accused person, or on its own initiative.

(3) (a) When an order is made under paragraph (cc) of subsection (1) the lower Court before which the inquiry into, or the trial of, the

offence against the accused person is pending shall, (if the case is triable by the lower court) without holding a preliminary inquiry under Chapter XVII; or (if the case is triable by the High Court and the preliminary inquiry under Chapter XVII is in progress or has not yet commenced when the order is made) without holding or completing such preliminary inquiry, cause the accused person to appear or be brought before the High Court on the date specified in the said order or as soon as may be practicable if no such date is specified.

(b) When the accused person appears or is brought before the High Court in accordance with paragraph (a), it shall fix a date for his trial which shall be held in accordance with the procedure under Chapter XX.

(4) The Court to which a case is transferred under this section may act on the evidence already recorded in an inquiry or a trial or partly so recorded and partly recorded by itself, or it may re-summon the witnesses and re-commence the inquiry or trial:

Provided that in any case so transferred the Public Prosecutor or the accused person may, when the Court to which the case is transferred commences its proceedings, apply that the witnesses or any of them be re-summoned and re-heard."

Jadual—

Seksyen 418A: Masukkan yang berikut—

(muka 10)

'Masukkan seksyen baru yang berikut dalam Bab XLII selepas sahaja seksyen 418—

"Trials
by High
Court on a
certificate
by the Public
Prosecutor.

418A. (1) Notwithstanding the provisions of section 417, the Public Prosecutor may in any particular case triable by a criminal court subordinate to the High Court issue a certificate requiring the Court before which the case is pending to remove it to the High Court at such place as may be specified in the certificate and to cause the accused person to appear or be produced before the said High Court.

(2) The power of the Public Prosecutor under sub-section (1) shall be exercised by him personally.

(3) Upon receipt of the certificate, the Court before which the case is triable shall without holding a preliminary inquiry under Chapter XVII transmit the case to the High Court mentioned in the certificate and cause the accused person to appear or be brought before such

High Court as soon as may be practicable; and thereafter the provisions of subsection (3) (b) and subsection (4) of section 417 shall apply to such case *mutatis mutandis*."

Huraian—

Seksyen 138: Potong huraian bagi seksyen 138 (muka 14) dan gantikan dengan yang berikut—

"pindaan ini adalah berbangkit dari pindaan-pindaan tertentu kepada seksyen 417 dan juga berbangkit dari seksyen baru 418B yang kedua-duanya terdapat dalam Bab XLII, kerana tidaklah perlu diadakan siasatan permulaan di mana Mahkamah Tinggi yang bertindak di bawah seksyen 417 (1) (cc) memindahkan sesuatu kes daripada mahkamah rendah kepada Mahkamah Tinggi, dan juga di mana Pendakwa Raya yang bertindak di bawah seksyen 418A mengeluarkan suatu perakuan untuk memindahkan kepada Mahkamah Tinggi suatu kes yang jika tidak kerana ini kena dibicarakan oleh mahkamah jenayah yang rendah daripada Mahkamah Tinggi."

Huraian—

Seksyen 417: Potong huraian bagi seksyen 417 (muka 15) dan gantikan dengan yang berikut—

"Pindaan-pindaan yang dibuat kepada seksyen ini oleh seksyen yang digantikan itu mengadakan peruntukan—

(a) bahawa perkataan "Judge" digantikan dengan perkataan-perkataan "High Court". Ini adalah perbahasan yang lebih sesuai untuk membolehkan kuasa di bawahnya dijalankan oleh Mahkamah Tinggi sebagai sedemikian dan bukan oleh seseorang Hakim sebagai demikian;

(b) bagi suatu peruntukan baru dimasukkan dengan memasukkan suatu perenggan baru (bb) dalam seksyen-kecil (1) yang akan membolehkan Mahkamah Tinggi memerintahkan mana-mana kes tertentu atau golongan kes dipindahkan daripada mahkamah jenayah yang rendah daripada Mahkamah Tinggi kepada mana-mana mahkamah jenayah lain yang rendah daripadanya, dan yang dibidangkannya adalah sama atau lebih tinggi daripada mahkamah dari mana kes itu telah dipindahkan;

(c) bagi suatu peruntukan baru dimasukkan dengan memasukkan suatu perenggan baru (dd) dalam seksyen-kecil (1)

untuk membolehkan Mahkamah Tinggi memerintahkan seseorang yang dituduh dibicarakan di hadapan Mahkamah Tinggi;

- (d) bagi suatu seksyen-kecil baru (2) ditambah untuk membolehkan Mahkamah Tinggi membuat suatu perintah di bawah seksyen-kecil (1) sama ada atas suatu lapuran daripada Mahkamah rendah, atau suatu permohonan oleh Pendakwa Raya atau situduh, atau dayausaha Mahkamah Tinggi sendiri;
- (e) bagi suatu seksyen-kecil baru (3) ditambah untuk mengadakan acara menguatkuasakan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi di bawah perenggan (cc) seksyen-kecil (1); dan
- (f) bagi suatu seksyen-kecil baru (4) ditambah untuk mengadakan cara bagaimana Mahkamah yang memindah kes itu hendak menguruskan keterangan yang telah pun direkodkan oleh Mahkamah yang dari mana kes itu dipindahkan, dan juga untuk membolehkan Pendakwa Raya atau situduh membuat permohonan supaya saksi-saksi dipanggil semula dan didengar semula.

Huraian—

Seksyen 418A: Tambah huraian yang berikut se-
(muka 15) lepas huraian kepada seksyen 417—
“418A . . .

Seksyen baru ini membolehkan Pendakwa Raya sendiri mengeluarkan suatu perakuan untuk memindahkan kepada Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan suatu siasatan permulaan akan apa-apa kes yang jika tidak kerana ini kena dibicarakan oleh Mahkamah rendah.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN DI LUAR NEGERI

5.42 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Bill bernama Suatu Akta berkenaan dengan menguruskan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah undang-undang bertulis, yang dilakukan di mana-mana tempat di luar kawasan Malaysia dan di laut lepas dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapaludara yang didaftarkan dalam Malaysia atau selainnya seolah-olah kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan di dalam Malaysia dibaca bagi kali yang kedua untuk diluluskan sekarang.

Perkara 73 (a), Perlembagaan Persekutuan memperuntukan demikian bunyinya:

“(a) Parlimen boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian Persekutuan dan juga undang-undang yang berkuatkuasa luar serta dalam Persekutuan;” —Butiran 9, Jadual Ke 9 dalam Senarai 1, Senarai Persekutuan Perlembagaan Malaysia.

Bermakna mengikut Perlembagaan, Parlimen boleh dan berhak membuat undang-undang. Oleh yang demikian, kuasa-kuasa Badan Perundangan untuk membuat undang-undang yang berkuatkuasa di luar negeri adalah terletak pada asas Perlembagaan. Sesungguhnya undang-undang yang berkuatkuasa di luar negeri adalah suatu yang bukan tidak biasa di negeri Komenwel. Di India undang-undang yang berkuatkuasa di luar negeri telah diluluskan, misalnya, Kanun Keseksaan India yang mengadakan peruntukan-peruntukan yang terjemahannya telah saya sebutkan tadi apakala membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, menurut peruntukan Perlembagaan, Perkara 73 (a), Perlembagaan Persekutuan, langkah-langkah sedang diambil secara berasingan untuk meminda Kanun Keseksaan (Bab 45) dan dengan tujuan untuk memberi kuasa di luar negeri kepada peruntukan Bab VI Kanun Keseksaan yang diluluskan tadi dan juga untuk menguruskan acara perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan dan juga bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa di luar negeri dan untuk meminda Akta

Mahkamah Kehakiman, 1964, Akta Mahkamah Rendah, 1948 Malaysia Barat dan Ordinan Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak untuk memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah masing-masing dalam Malaysia bagi membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan atau treason di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan lain-lain kuatkuasa di luar negeri.

Sebentar tadi saya telah menyebut mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa di luar negeri. Yang saya maksudkan itu ialah Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Luar Negeri, 1975 yang dibentangkan dalam Dewan ini sekarang. Biarlah saya terangkan secara ringkas latar belakang kedudukan negeri dari segi undang-undang. Mengikut undang-undang yang ada sekarang segala kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis adalah dikira sebagai kesalahan hanya jika kesalahan itu berlaku dalam bidangkuasa tempatan mahkamah dalam Malaysia (bermakna dalam kawasan Malaysia). Jadi, jika kesalahan itu dilakukan di luar negeri oleh seorang warganegara atau seorang pemastautin tetap atau oleh seorang lain mengikut mana yang berkenaan dalam mana-mana kapal laut, kapal laut lepas atau dalam mana-mana kapaludara atau semasa kapaludara itu dalam penerbangan, kesalahan-kesalahan yang berkenaan tidak boleh dibicarakan oleh mahkamah-mahkamah dalam Malaysia oleh kerana mahkamah-mahkamah dalam Malaysia di luar negeri. Oleh hal yang demikian, jika sesuatu perbuatan yang dilakukan di luar negeri atau dalam mana-mana kapal di laut lepas atau di mana-mana kapaludara samada kapal itu kapaludara yang didaftarkan di Malaysia atau tidak oleh seorang warganegara atau yang bermastautin tetap di Malaysia atau seorang yang bukan warganegara di laut lepas dalam suatu kapal atau kapaludara yang didaftarkan dalam Malaysia. Perbuatan itu walaupun bukan sahaja satu kesalahan di bawah mana-mana daripada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, 1975, bahkan adalah juga memudaratkan keselamatan Persekutuan maka warganegara atau pemastautin tetap Malaysia atau seorang yang bukan warganegara itu mengikut mana-mana yang berkenaan tidak boleh dibicarakan oleh mana-mana mahkamah dalam

Malaysia oleh kerana perbuatan atau kesalahan itu tidak dilakukan dalam wilayah dan bidangkuasa tempatan mahkamah-mahkamah iaitu mahkamah itu tidak ada mempunyai bidangkuasa (jurisdiction) untuk membicarakan kesalahan itu. Dengan hal yang demikian, tiada suatu juga pun yang boleh dibuat walaupun sekiranya warganegara atau pemastautin itu melakukan sesuatu perbuatan yang memudaratkan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan diluluskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, 1975, kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual itu iaitu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi (Official Secrets Act, 1972) dan Akta Hasutan, 1948 (Sedition Act, 1948) atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang mungkin dinyatakan dengan pindaan dalam Jadual itu termasuk apa-apa kesalahan yang dibuat oleh mana-mana undang-undang bertulis yang jika dilakukan di luar negeri atau di laut lepas maka akan diperakui oleh Peguam Negara sebagai menjejaskan keselamatan Persekutuan bolehlah dibicarakan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia. Sebagaimana saya katakan tadi, kalau saya dapati seseorang pemastautin atau rakyat Malaysia yang berada di luar negeri, misalnya, di Thailand atau di laut lepas mempunyai atau menjual senjata atau menghantar senjata kepada musuh kita di Malaysia, maka sekiranya dia balik ke Malaysia dan dapat ditangkap bolehlah mereka itu dibicarakan di sini dengan syarat sebagai Peguam Negara saya memberi satu perakuan (certificate) iaitu perbuatan dan kesalahannya itu akan merosakkan keselamatan negara ini. Itu satu daripada misalannya. Ini bermakna bahawa jika sesuatu perbuatan yang dilakukan di luar negeri atau di laut lepas atau di mana-mana dalam kapaludara (aeroplane) samada kapal yang didaftarkan dalam Malaysia atau tidak didaftarkan dalam Malaysia (whether registered in Malaysia or not) oleh seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia akan menjadi satu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan atau yang mungkin dinyatakan dalam Jadual itu. Maka warganegara atau pemastautin tetap itu boleh dibicarakan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam bidangkuasa tempatan, bermakna dalam local jurisdiction.

Walau bagaimanapun, seorang yang bukan warganegara (if he is not a citizen) hanya boleh dibicarakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, 1975 yang baru ini hanya jika ia telah melakukan di laut lepas dalam mana-mana kapal atau mana-mana kapaludara yang didaftarkan dalam Malaysia. Suatu perbuatan yang menjadi suatu kesalahan yang dilakukannya dalam hal keadaan yang baru sahaja saya sebutkan tadi, adalah diperakui oleh Peguam Negara sebagai memudaratkan keselamatan Persekutuan.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila diluluskan akan menakutkan seseorang warganegara atau yang bermastautin tetap negeri Malaysia yang ada di luar negeri atau dalam laut lepas atau di udara atau dalam mana-mana kapal atau kapaludara yang didaftarkan dalam Malaysia daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang saya sebutkan tadi iaitu 4 perkara, satu daripadanya treason, sedition, Official Secrets Act ataupun any act which endanger the security of the Federation. Sekarang ini mereka akan terpaksa berfikir habis-habis sebelum melakukan sesuatu perbuatan yang bukan sahaja menjadi satu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang dinyatakan dalam Jadual Rang Undang-undang Kesalahan Di Luar Negeri ini bahkan juga menjadi kesalahan-kesalahan yang memudaratkan keselamatan negara kita.

Di sini ada setengah orang bertanya katanya, kalau ada rakyat Malaysia yang telah melakukan kesalahan perbuatan treason atau menderhaka di luar negeri atau melakukan kesalahan menghasut, maka mereka itu takut hendak balik ke Malaysia, takut kena tangkap. Pada pandangan saya lagi baik dia tak balik, Tuan Yang di-Pertua—Good riddance, kata bahasa Inggeris—mereka ini tidak berguna. Kalau dia balik barulah ditangkap dan kalau dia tak balik, alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup izinkan saya berkata bahawa masanya sudah sampai bagi Malaysia mengadakan peruntukan-peruntukan undang-undang bagi membolehkan ditangkap bukan sahaja seorang pesalah, seorang warganegara atau pemas-tautin Malaysia yang melakukan kesalahan-kesalahan yang tertentu di bawah undang-undang yang saya sebutkan tadi, bukan kesalahan-kesalahan “boo, boo” Perdana

Menteri. Khususnya undang-undang ini maka mereka itu bolehlah kita bicarakan apabila balik ke negeri kita, tetapi kalau mereka itu sesudah dibicarakan di luar negeri walau dia kena denda atau tidak, maka mereka itu tidak akan dibicarakan lagi di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah ulasan saya sebanyak-sedikit. Saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.55 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan di samping itu, saya mohon bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, we are told in this Extra-territorial Offences Bill that the offences would come within the purview of these Acts. i.e., Act 88 (Official Secrets Act, 1972) and Act 15 (Sedition Act, 1948).

The Minister of Law in his explanation just now when introducing the Bill with regard to the amendments to the Criminal Procedure Code (C.P.C.) has added on “treason” as an offence. We are also told now that he can also certify any offences under any other written law, the commission of which is certified by the Attorney-General to affect the security of the Federation. These are the four categories of offences that he says. If a Malaysian or a permanent resident in Malaysia has committed an offence outside the territory of Malaysia, this person if he has not been prosecuted outside Malaysia, on his return to Malaysia is liable to be prosecuted for any of the four categories of offences that the Minister of Law has indicated.

The first observation I wish to make is the question of the Attorney-General certifying a case against the security of the country. Now, bearing in mind that the Essential (Security Cases) Regulations permit the creation of a security offence which is also certified by the Attorney-General, I wish to say that we must take into consideration the norms that our Malaysians are living under abroad. Where in this country it may well be an offence against the security of this

country, in another country which is more democratic, where there is greater freedom, it may not be so. I submit that such an offence, if it is deemed as an offence, should be scrutinised very carefully by the Attorney-General before such unfortunate person is brought to court in this country on his return. As the saying goes, "When in Rome, do as the Romans do". In this country I agree that we cannot talk about race, we cannot talk about the monarchy or the Sultanates but in other countries, for example, like Australia, they do not have a monarchy and, although they form part of the British Commonwealth and they have a Queen there, they are very free in railing against the Queen, for example, or against Prince Philip. But in this country it is an offence whereas in another country it is not an offence. So, the Minister or the Attorney-General must take into consideration all these differences in norms when he decides to prosecute.

The other thing that I want to have an assurance from him, despite what he has said, is this: that prosecution, Sir, under this Act will be confined solely to these four categories, i.e. the Official Secrets Act, the Sedition Act, what you call, treason, although treason is nowhere mentioned in this Bill, and the Security offences. This is very necessary, Mr Speaker, Sir, because the students being what they are and being of an impressionable age when they are abroad, they naturally show dissent and they have a very good reason for showing dissent; and this is a common enough experience not only among Malaysian students but among students all over the world who have a desire to go against the establishment when they are young. Perhaps when they are older, when they come back and join the Civil Service, they become very respectable citizens. But when they are young, they have a desire to go against the establishment which means that they show dissent. I hope the Minister will give a categorial assurance that this Bill will not be used against people who show dissent against the Government but will be confined solely to the four categories of offences that he has listed out.

6.00 ptg.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris dari semasa ke semasa di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Saya adalah menyokong Akta Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri, 1975. Saya ingin membuat beberapa perhatian di atas Akta Kesalahan-kesalahan di Luar Negeri sekarang di dalam Dewan ini. Saya ingin merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang ditentukan di bawah Jadual itu di bawah kalimat 2 (3) Akta baru itu, iaitu:

- (1) Akta Rahsia Rasmi, 1972
- (2) Akta Hasutan, 1948
- (3) Apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, yang dilakukan adalah diperakui oleh Peguam Negara sebagai menyentuh keselamatan Persekutuan.

Mempelajari kesalahan-kesalahan ini dengan teliti akan melahirkan maksud di bawah Akta baru ini mengenai 3 kategori rakyat, iaitu:

- (1) kakitangan Kerajaan di seberang laut;
- (2) pelajar-pelajar yang sedang belajar di seberang laut; dan
- (3) rakyat kita yang sedang mengunjungi ataupun tinggal di seberang laut.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the introduction of this new Bill will subject our overseas students and our people visiting or staying abroad to possible blackmail and espionage activity by foreign intelligence agents or other such elements who may not have the interest of our people at heart. Let me explain how easily this could be done. It is relatively easy for any foreign agents and elements to plant false incriminatory evidence to implicate our overseas students, with evidence that is prejudicial under the Sedition Act, and to discredit them in the eyes of the Government if our Government is very sensitive to any criticism. Having obtained such false evidence, they could use this false evidence to blackmail the parents or the relatives of these people who may be holding positions in the Government and who may have information of importance which these foreign agents and elements would like to obtain. The passing of this Bill will also expose our people to the possible exploitation. To un-initiated in intelligence intrigues this may sound absurd. I urge the Honourable Minister of Law to exercise great caution when he has to deal with cases of this nature. If a person is determined to

disclose official secrets, unlawfully, there is no need for him to travel abroad to do so. Those who are interested in our secrets will have agents here to receive them.

This new Act is also likely to create uneasy feelings among our students who being youthful are idealistic in their approach to social reforms affecting this country. I do not believe that our country has become so fragile that any offence committed under the Sedition Act by our citizens abroad would seriously affect the security of this country. I sincerely believe that our country and our people are made of sterner stuff and they have within them the national resilience.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to remind this House that the aim of all Governments is to give a status of social equality and to provide economic opportunity for the common people. If this is lacking in some areas the common people would feel unhappy and would express criticisms against the Government. Let us hear them. It is most important for the Government to know of such disaffection. We must not be afraid of change. No society is static, no law is unchangeable and no constitution is permanent. Given time and patience, radical changes may happen both in human nature and the system of society which reflects human nature. If our people are critical and within reasons, let it be. This is part and parcel of a democratic society.

Finally, youths and students who are critical of our social reforms should not be placed on adverse Police records indefinitely—and I like to repeat “indefinitely”—for they have to carry with them this stigma for the rest of their lives. If there are such records, then these should be regularly revised or reviewed, otherwise these youths and young persons would not be able to find employment with Government or quasi-Government and Statutory bodies. We cannot afford to have too many frustrated minds roaming around the country. It must be appreciated that as they grow older, some become wiser and they become less critical and appreciate that the ideal social reforms are attainable to a certain degree. A good example I would like to give is that some politicians, who were very critical of Government policies, were eventually convinced that they were wrong

in their views and some have adjusted themselves so well that they now form part of the Government. I do not see any reason why students and young people who are less vocal in their speeches and utterances must carry with them the adverse records that deprive them of employment in Government and Statutory bodies.

6.07 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I think this Bill has come as another shock and I have the feeling that the Minister of Law is a “shocker” (*Ketawa*).

Sir, if I may, I would like to refer this House to one or two Clauses in this Bill. In Clause 2 (1) (b) it is provided:

“any offence under any other written law the commission for which is certified by the Attorney-General to affect the security of the Federation”.

While I think the drafting is fair enough, it appears to me—I may be wrong—that if the Attorney-General is satisfied that the nature of an offence committed by a person is such that it affects the security of the country, then there is no other alternative but to have him tried under the Essential (Security Cases) Regulations. That is a very dangerous law which this House is going to debate on Friday.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, again, I find that there is a great illogic in so far as this Bill is concerned. Clause 2 (1) (b), sub-paragraph (iii) on page 2, says:

“by any citizen or any permanent resident in any place without and beyond the limits of Malaysia”.

I am interested as a student of law as to how the Government will reconcile . . .

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, kalau hendak berbahas dalam bahagian-bahagian boleh tunggu sehingga sampai dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Ngan Siong Hing: Bukan, ini polisi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Tetapi Yang Berhormat boleh berbahas perkara dasar sahaja.

Tuan Ngan Siong Hing: Itu perkara dasar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Tetapi saya nampak Yang Berhormat berbahas masuk dalam bahagian-bahagian.

Tuan Ngan Siong Hing: Baik.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat boleh memberi contoh-contoh sahaja kerana sekarang kita berbahas dalam "second reading." Kalau Yang Berhormat ingin hendak bertanya atau hendak bahaskan kerana sesuatu masalah, Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam mesyuarat Jawatan-kuasa.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Now, having regard to the whole of this Bill, I just want to know how the Government could reconcile municipal law and international law. It appears to me that by this Bill this Government is going to try a New Zealander, a Singaporean, a German or an Indian who might have said something in India against the Government, who might have indicated the Government for practising racialism. I think this is sheer illogic. I am not agreeable that we have the right, under international law, to try foreign citizens. Foreign citizens are governed by the municipal laws of their respective countries. So there is a conflict between the international law and the municipal law, and I seek a clarification from the Honourable Minister of Law.

6.10 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah banyak kali dibahaskan dalam Rang Undang-undang yang lepas tetapi dibangkitkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Bukit Bendera dan Kinta.

Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat ini menyebutkan penuntut, belia-penuntut, belia; padahal Undang-undang ini bukan kerana penuntut, bukan kerana belia. Nampaknya tidak ada lain dalam kepala Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli dari Kepong menceritakan berkenaan dengan penuntut. Undang-undang ini ialah sama kepada siapa jua pun samada dia penuntut atau bukan penuntut, samada dia seorang pegawai Kerajaan, penuntut, tourists ataupun bukan ketiga-tiganya tetapi memang ada di luar

negeri hendak menolong komunis, ada juga banyak dalam Malaysia ini, ada empat, tetapi tidak termasuk dalam kategori yang tiga itu. Undang-undang pada ke empat-empat kategori ini adalah sama, tidak memilih siapa. Kalaulah mereka itu membuat kesalahan salah satu daripada empat ini maka mereka akan didakwa. Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan mereka itu bebas bercakap di luar negeri sebagaimana juga mereka itu bebas di dalam negeri kita. Penuntut-penuntut di sini bebas mengkritik Kerajaan, demikian juga penuntut-penuntut di luar negeri bebas mengkritik Kerajaan, tidak puas hati dengan Kerajaan, "boo" kepada Perdana Menteri bila sampai di luar negeri dan macam-macam. Jadi kesemua itu boleh dilakukan asalkan jangan menyalahi salah satu daripada empat kesalahan, tetapi kalau dia penuntut membuat kesalahan dalam Undang-undang Hasutan kita tidak kira dia penuntut atau penyamun, atau pegawai Kerajaan atau Duta kita, semua ini sama di bawah Undang-undang. Kalau hendak dibezakan penuntut itu lebih daripada orang lain, dia lebih bebas, dia lebih menderhaka untuk mengkritik Kerajaan sehingga boleh melakukan kesalahan sedition atau treason, itu Kerajaan dan saya tidak terima.

Kebebasan penuntut kita di luar negeri minta nampaknya daripada Ahli Yang Berhormat ini lebih jauh lagi bebas daripada students atau penuntut-penuntut yang ada di universiti kita sini, mereka memang ada kebebasan sebagaimana dia enjoy kebebasan yang dia nikmati di luar negeri, asalkan jangan melakukan empat kesalahan ini, tetapi kalau kesalahan itu misalnya seorang dua, perkara kecil kita tidak hiraukan. Saya sebut tadi adakah kebebasan ini hendak diberi kepada student kita; saya bertanya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, dia bercakap dalam satu kumpulan Persatuan Malaysian Students, misalnya, di London atau di Australia di mana ada 300 students bersyarah perkara-perkara yang sensitive issues yang menyalahi Undang-undang Sedition, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat sini memberi mereka itu kebebasan berucap sebegitu? Menyemaikan perasaan perkauman, perasaan kebencian antara satu kaum dengan satu kaum di luar negeri dan mereka itu pula apabila balik ke mari mereka itu fikirannya telah terpesong dan telah terpengaruh maka mereka itu kurang berguna, padahal Kerajaan Malaysia di sini sibuk

untuk menyatupadukan rakyat jelata dengan mengadakan hingga ke Jabatan Perpaduan, Kementerian Perpaduan dan lain-lain. Tetapi rakyat kita yang menuntut di luar negeri sekarang ini lebih kurang ada 15,000 mereka yang terpelajar dibiarkan mereka itu dihasut siang dan malam oleh dua tiga orang yang ada di luar negeri; rakyat Malaysia yang bukan menuntut, sudah menuntut tetapi tidak lulus, duduk tinggal di sana kadang-kadang dengan mendapat bantuan daripada luar negeri atau orang lain menghasut students kita.

Tujuan kita untuk membaiki, untuk memelihara dan melindungi penuntut-penuntut kita di luar negeri supaya fikirannya itu taat setia kepada negara, berbaik-baik antara satu dengan lain, taat setia kepada Raja juga. Kalau seorang rakyat di luar negeri boleh mengkritik kesukaan dia kepada Raja pemerintah kita, tidak taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja-raja, hendak dibiarkan mereka itu balik ke mari apa akan jadi kelak? Mereka akan dewasa, buluh masa rebung patut dilentur, sudah jadi buluh sudah keras tidak ada guna hendak dilentur lagi. Inilah saya terangkan, saya sedar, khasnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera menerangkan perkara ini.

(*Dengan izin*) The Honourable Member for Bukit Bendera raised the possibility of blackmail and exploitation by foreign agents and others against some of our students abroad by planting subversive materials or other matters which may lead to their prosecution. I can assure the Honourable Member for Bukit Bendera that we will be very careful and extra careful when we are going to prosecute, if ever—we hope not—anyone abroad commits offences, even by students.

The Honourable Member for Kinta was worried about the certificate by the Attorney-General regarding certain offences. I can assure the Honourable Member that this is a right given to me by this House, by the Government to the Attorney-General to exercise absolute discretion. The Constitution also gives the Attorney-General the sole right to decide whether to prosecute a case or to withdraw a case against anyone, and he is not subject to control by anyone. This is given in the Constitution. I am answerable to this House. How can the

Attorney-General, for example, certify a case which is not really endangering our security to be brought to court here when it will endanger and bring bad name to the Barisan Nasional? I am sure, without hesitation, the Honourable Prime Minister will kick me out or ask me to resign. It is very easy if I make mistakes—for example, if I certify a case which is not really a case that is endangering our security—and as the Attorney-General responsible to this House and to the Government, I will be making a laughing stock of the Government and bringing bad name to the Ruling Party and I will have no alternative, since I am answerable to this House and to the Government, but to tender my resignation, for we are all answerable to the people. Any Attorney-General, whether it is me or somebody else, will not do anything which will smear the good name of the Party in power. Wherever possible, I as the Attorney-General will want to do certain acts which will bring my Party up and up all the time, so that I can get the support of the people, to enlarge that support, from year to year until the next General Elections. So these are the safeguards and there is no better safeguard than the votes. The votes of the people will count. They will judge every Minister, every Member of Parliament and the Government at the end of five years. Those are the judges.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Pengerusi, minta izin, Tuan Pengerusi, I rise to oppose Section 2

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, saya tidak berapa dengar.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya minta berucap dalam bahasa Inggeris dan saya bangun untuk oppose Seksyen 2.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Jangan tutup mike itu, saya tidak dengar.

Tuan Ngan Siong Hing: Mr Chairman, Sir, I rise to oppose Section 2 in that I think it is unfair and moreover, in my humble opinion, it is inconsistent . . .

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat hendak bertanyakah atau hendak membuat pindaan?

Tuan Ngan Siong Hing: Saya hendak oppose semua sekali, sebab saya tidak bersetuju kerana tidak mengikut undang-undang antarabangsa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kalau hendak meminda mestilah beri notis 24 jam lebih dahulu.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak membuat pindaan atau hendak bertanya atau hendak membangkang sahaja?

Tuan Ngan Siong Hing: Saya hendak membangkang.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Bila saya tanya bersetuju atau tidak bersetuju, kata-lah tidak bersetuju sahaja. Saya kemukakan tadi fasal-fasal itu kalau tidak bersetuju, katalah tidak bersetuju.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya hendak memberi sedikit pandangan.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Bangkang?

Tuan Ngan Siong Hing: Bukan, beri opinion berkenaan Section 2 mengapa saya bangkang.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sila.

Tuan Ngan Siong Hing: As I said, Mr Chairman, Sir, I rise to oppose Section 2 in that I feel that it is inconsistent with international law. For example, under Section 2(1)(ii) "by any citizen or any permanent resident on the high seas on board any ship or on any aircraft."

Mr Chairman, Sir, it is a simple rule of international law that where a man commits an offence on board a ship, say, in the high seas, then he is, of course, governed by the law of the flag ship. So if the ship is, say, registered in Japan, then of course that man

will be punished according to the law in Japan. How could then we have a law here which says that we can punish him? There will then be a conflict of jurisdiction. Thus, if Mr "A" commits an offence, say, on the high seas somewhere out in the South China Sea, on board a German ship because he said something against the King of our country or because he said something which by our Municipal law is an offence, then, Mr Chairman, Sir, with due respect, he ought first to be dealt with according to the law of the flag ship. So if the ship is a German ship, then German law should apply, not Malaysian law. Likewise Section 2 (1) (iii) is again ridiculous. As I have said just now, if a citizen or permanent resident commits an offence in our country, then of course our law applies. If he says something against the country, the King and the people, say, in India, and the person who says it is a New Zealander, then Indian law would apply or New Zealand law but not Malaysian law, unless he comes here. Even if he comes here, there is nothing. It is inconsistent with the Constitution to arrest him, to put him behind bars. This will no doubt create a diplomatic row, it will become an international quarrel as to jurisdiction and the right of the country to try that particular person and I think this is very dangerous. Of course, Mr Chairman, Sir, besides the political implications, this has, of course, aroused some academic interest in that it is now a question of applying the accepted norms and principles as understood and practised and even subscribed to by Malaysia in so far as international law is concerned. I do not know how this has come about and I am unable to comprehend this Bill in view of the lack of explanation given by the Government side. Perhaps the Honourable Minister with all his experience and all the expertise in his Chambers could help us to understand. That is all I want, otherwise this Bill is very ridiculous and I hope the Minister will do that.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, fasal beliau tidak faham itu sebab beliau kata ridiculous. Jadi, kalau benda ridiculous yang beliau tidak faham sia-sia saya menjawab kerana dia tidak faham juga. Tidak payah dijawab kerana kalau saya jawabpun beliau tidak faham.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SEWA-BELI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Sewa Beli (Pindaan), 1975, suatu Akta bagi meminda Akta Sewa Beli, 1967 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Sewa Beli, 1967 telah diujudkan bagi melindungi penyewa-penyewa beli daripada perbuatan-perbuatan curang oleh firma-firma dan syarikat yang mengadakan kemudahan sewa-beli. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mengawal bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli serta menetapkan hak-hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat di dalam satu-satu perjanjian itu.

Pada masa ini pentadbiran Akta Sewa-Beli adalah di pertanggungjawabkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, oleh kerana perjanjian sewa beli adalah dibuat di antara penyewa beli dengan firma-firma dan syarikat-syarikat sewa-beli yang berkenaan di atas kehendak mereka sendiri dan perjanjian tersebut tidak didaftarkan di mana-mana Jabatan Kerajaan, kejadian-kejadian tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian itu tidaklah diketahui melainkan aduan-aduan dikemukakan kepada Kementerian saya. Akhir-akhir ini Kementerian ini telah menerima banyak aduan daripada orang ramai yang mengatakan bahawa setengah-setengah firma dan syarikat sewa-beli telah tidak menjalankan perniagaan mereka mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Berikut dengan aduan-aduan tersebut Kementerian ini telah membentuk sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri, Perbendaharaan, Bank

Negara, Jabatan Peguam Negara dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan bagi mengkaji semula Akta Sewa-Beli, 1967 dengan tujuan menimbangkan cara-cara memperbaiki mana-mana kekurangan yang terdapat dalam Akta tersebut dan seterusnya mencadangkan pindaan-pindaan yang perlu dibuat kepada Akta itu bagi membolehkan tindakan diambil terhadap pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta itu. Jawatankuasa ini telah berbincang dengan badan-badan swasta yang menjalankan perniagaan sewa-beli seperti Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan (Association of Finance Companies), Persatuan Syarikat-syarikat Pinjaman Wang Malaysia (Association of Borrowing Companies of Malaysia) dan Persatuan Penjual-penjual Kereta Terpakai (Association of Used Car Dealers) dan juga untuk tujuan mendapatkan kerjasama dan buah fikiran daripada mereka. Persatuan-persatuan tersebut telah mengemukakan memorandum bersama kepada Jawatankuasa ini menyuarakan pendapat-pendapat mereka di atas pelaksanaan Akta tersebut. Jawatankuasa ini telah memberi perhatian yang sewajarnya terhadap syor-syor Persatuan-persatuan itu dan telah mengemukakan perakuan-perakuan bagi memperbaiki peruntukan dan pelaksanaan Akta Sewa-Beli, 1967.

Aduan-aduan yang sering dikemukakan kepada Kementerian ialah mengenai cara-cara bagaimana firma-firma dan syarikat-syarikat sewa-beli mengambil balik barang-barang yang telah disewakan apabila penyewa beli gagal menjelaskan bayaran ansuran yang telah dipersetujui. Syarikat-syarikat sewa beli telah dilaporkan menggunakan cara-cara yang tidak dibenarkan di bawah Akta Sewa-Beli, 1967 apabila penyewa beli gagal menjelaskan bayaran ansuran mereka sungguhpun kelewatan pembayaran itu boleh diselesaikan oleh pihak-pihak penyewa beli. Firma-firma dan syarikat-syarikat sewa-beli juga telah dikatakan bahawa mereka telah tidak menghantar salinan-salinan perjanjian sewa-beli kepada penyewa beli bahkan ada juga yang tidak menghantar Penyata Kewangan kepada mereka. Ada juga laporan-laporan yang diterima mengenai adanya firma-firma dan syarikat-syarikat sewa-beli yang mengenakan bayaran-bayaran yang tidak dibenarkan di bawah Akta tersebut duit teh, duit kopi dan duit bola.

Aduan-aduan itu mencerminkan kelemahan dalam pentadbiran dan pelaksanaan Akta Sewa Beli, 1967 itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya diadakan peruntukan penguatkuasa supaya syarat-syarat yang tertentu dalam perjanjian-perjanjian sewa-beli dapat dikuatkuasakan dengan lebih memuaskan lagi. Di bawah pindaan yang dicadangkan ini beberapa orang pegawai akan dilantik untuk mentadbirkan Akta tersebut. Perlantikan mereka akan membolehkan peruntukan-peruntukan Akta tersebut dikuatkuasakan dengan lebih sempurna lagi. Di samping itu siasatan terhadap aduan-aduan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dapat diambil dalam masa yang lebih singkat. Pegawai-pegawai Kementerian yang sedia ada sekarang akan dilantik sebagai pegawai-pegawai penguatkuasa Akta ini. Seksyen Baru 2 (A) yang dinyatakan di dalam Fasal 4 memberi kuasa kepada perlantikan seorang pegawai ke jawatan Pengawal Sewa-Beli dan beberapa orang pegawai untuk membantu beliau, manakala Bahagian Baru VIII iaitu Bahagian Kuasa-kuasa Penguatkuasa memberi kuasa kepada pegawai-pegawai yang dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di bawah Akta ini.

Untuk memperkuat lagi pentadbiran Akta itu, adalah dicadangkan Menteri yang bertanggungjawab terhadap Akta itu diberi kuasa membuat peraturan-peraturan bersabit dengan pengambilan balik (repossession) barang-barang yang disewakan di bawah Akta ini, dan penyimpanan rekod-rekod berkaitan dengan urusan perniagaan sewa-beli yang harus dikendalikan oleh syarikat-syarikat sewa-beli. Peruntukan untuk memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab diberikan dalam Seksyen 46 yang dipinda seperti yang diperuntukan dalam Fasal 12.

Untuk menghalang pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta ini daripada berlaku, adalah dicadangkan supaya denda-denda yang dikenakan iaitu menaikkan penalti dari \$500 kepada \$3,000 kerana memberi kenyataan-kenyataan palsu; menaikkan penalti dari \$2,000 kepada \$10,000 kerana menjual barang-barang yang dijual secara sewa-beli tanpa mengikut peruntukan-peruntukan Akta Sewa-Beli; menaikkan penalti umum daripada \$200 kepada \$3,000 Pindaan-pindaan untuk tujuan tersebut diperuntukkan dalam Fasal-fasal 8, 9 dan 10.

Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta Sewa-Beli, 1967 akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.39 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) ini, dan saya sifatkan bahawa pindaan ini sangat penting untuk memberi perlindungan yang lebih berkesan lagi kepada pengguna-pengguna, terutama mereka yang berpendapatan rendah yang sememangnya tidak mampu hendak membeli sesuatu barang dengan cara bayaran tunai.

Saya mengambil peluang ini mendesak Kementerian yang berkenaan iaitu supaya kuatkuasa Rang Undang-undang ini dijalankan dengan seberapa segera yang boleh demi untuk memberi perlindungan yang segera kepada pengguna-pengguna daripada terus menjadi mangsa pada setengah-setengah syarikat kewangan dan juga setengah-setengah daripada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan dengan secara jual-beli.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang diperkatakan oleh orang ramai bahawa setengah daripada syarikat-syarikat kewangan dan setengah daripada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan secara jual-beli menggunakan samseng-samseng untuk menarik balik secara paksa, terutama sekali kenderaan-kenderaan yang terlewat bayarannya kemudian mengenakan wang bayaran upah untuk tarik, upah simpan kepada pengguna-pengguna yang berhajat hendak membayar semula ansuran yang tergantung dan bermacam-macam tipu helah lagi untuk mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebihan, maka perkara yang seperti itu memanglah benar-benar berlaku sejak lama dahulu lagi dan terus berlaku lagi hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara sewa-beli juga, saya inginlah menarik perhatian Dewan yang mulia ini bersabit

dengan tipu-daya setengah daripada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan sewa-beli kepada barang-barang mewah seperti radio, talivisyen peti sejuk dan lain-lain. Pada pendapat saya sekurang-kurangnya ada dua tipu helah yang sering dijalankan oleh peniaga-peniaga yang tersebut untuk menekan pengguna-pengguna, terutama sekali pengguna-pengguna di kawasan luar bandar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pertama, bersabit dengan tanda harga kepada barang-barang mewah yang saya sebutkan tadi peniaga-peniaga di luar bandar meletakkan tanda harga yang sangat tinggi daripada yang asal harga barang itu iaitu menurut harga barang ansur menurut kiraan bunga mereka sendiri. Umpamanya, sebuah talivisyen yang mana harga asal atau harga bagi bayaran tunai berharga sebanyak \$900 diletakkan harganya \$1,500. Dengan diberikan potongan di antara 30%—40% jika dibayar dengan bayaran tunai. Ini satu helah untuk menekan pengguna-pengguna yang membeli secara sewa-beli, kerana kalau dikiraan faedah atau bunga kepada harga yang asal, maka bunganya bukan sahaja 10% atau 12% ataupun 15% umpamanya, tetapi bunga-bunga itu telah lebih daripada 25% setahun. Ini suatu tipu helah yang sengaja dilakukan oleh setengah-setengah peniaga yang menjalankan perniagaan sewa-beli kepada barang-barang mewah, terutama sekali peniaga-peniaga yang menjalankan urusan sewa-beli di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya mengambil peluang ini mendesak pihak yang akan menjalankan kuat-kuasa Rang Undang-undang ini supaya mengambil langkah yang berkesan dalam perkara ini iaitu tiap-tiap satu barang hendaklah diletakkan tanda harga yang asal ataupun harga untuk bayaran tunai dan tidak meletakkan harga secara bayaran ansur dan pihak yang menjalankan kuatkuasa Undang-undang ini juga hendaklah sedia menyimpan harga-harga yang maksima kepada suatu jenis barang itu, terutama sekali barang-barang yang lazimnya dijalankan secara perniagaan jual beli.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tipu helah yang sering dijalankan oleh peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan sewa-beli, terutama sekali di kawasan-kawasan luar

bandar ialah bersabit dengan wang pendahuluan, ataupun wang muka yang dibayar oleh pengguna-pengguna kepada sesuatu barang yang dibeli dengan secara sewa-beli. Umpamanya, seperti yang saya katakan tadi sebuah TV yang diletakkan harga bagi bayaran ansuran sebanyak \$1,500 dan cara bayarannya lazimnya adalah begini: Harganya \$1,500 hendaklah dibayar 20% bagi wang muka iaitu sebanyak \$300 bakinya sebanyak \$1,200 dibayar \$50 sebulan untuk selama 24 bulan. Demikianlah cara-cara yang lazim dalam urusan jual-beli bagi barang-barang mewah seperti radio, TV peti sejuk dan lain-lain alat perkakas rumah lagi. Cara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu tipu helah yang sangat memberatkan pengguna-pengguna, sepatutnya kalau wang asal bagi TV itu berharga \$900, jika telah dibayar sebanyak \$300 maka bakinya hanya sebanyak \$600, sekiranya di atas hutang yang sebanyak \$600 itu dikenakan faedah 12% setahun untuk selama dua tahun umpamanya, maka jumlah faedahnya dan juga wang asalnya adalah sebanyak \$744 sahaja. Tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu, harga \$900 dibayar \$300 sebagai wang muka dan bakinya \$1,200. Kalau dikira bunga maka bunga ini adalah 100% atau 50% dalam masa setahun. Inilah di antara tipu helah ataupun tipu-daya yang dijalankan oleh setengah-setengah peniaga yang menjalankan urusan jual-beli bagi barang-barang mewah, terutama sekali kepada pengguna-pengguna di kawasan luar bandar.

Saya sangat-sangat berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya memberikan perhatian yang sungguh-sungguh dalam perkara tipu helah atau tipu-daya yang dijalankan oleh peniaga-peniaga yang menjalankan urusan sewa-beli seperti yang saya sebutkan tadi supaya pembeli-pembeli atau pengguna-pengguna di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya tidaklah terus menjadi mangsa kepada mereka yang tamak dan kepada mereka yang mahu mencari keuntungan dengan tidak bertimbang rasa kepada pengguna-pengguna dengan cara yang berlebih-lebihan.

6.45 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memberi sokongan kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan ini. Ini

adalah menunjukkan satu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memperlingkungan pengguna-pengguna.

Undang-undang Sewa-beli ini ialah satu daripada beberapa belas undang-undang yang sudahpun diadakan oleh Kerajaan untuk memperlingkungan dan menjaga kepentingan dan muslihat kepada pengguna-pengguna. Dengan adanya pindaan-pindaan ini boleh dikatakan beberapa perkara yang telah didapati memerlukan pindaan-pindaan ini dikemukakan untuk memperkukuhkan atau memperkuat lagi khasnya dari segi pelaksanaan penguatkuasaan di mana diadakan pegawai-pegawai yang tertentu untuk bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang ini dan juga cara memberatkan lagi hukuman supaya dapat undang-undang ini lebih berkesan. Sungguhpun begitu, saya suka menyebutkan bahawa undang-undang ini ialah cuma meliputi beberapa barang sahaja yang terkawal di bawah undang-undang ini. Saya sendiri dalam mesyuarat Majlis Pelindungan Pengguna pernah mengemukakan syor supaya benda-benda ataupun items yang terkawal di bawah undang-undang ini sepatutnya diperluaskan supaya dapat ditambahkan lagi beberapa barang-barang yang lazimnya dapat dibeli dengan cara pembayaran ansuran ataupun dinamakan hire purchase (sewa-beli). Sungguhpun begitu boleh dikatakan setakat yang telah dibuat ini satu kemajuan, tetapi kita dapat memajukan lagi dan dapat kita menjadikan undang-undang ini lebih berjasa kepada pengguna-pengguna sekiranya kita dapat menambah lagi items ataupun barang-barang yang terlibat yang dicover oleh undang-undang ini. Saya pernah menyebutkan dahulu dan saya tidak segan mengulang iaitu ini adalah satu daripada beberapa belas undang-undang yang sudah diadakan untuk kepentingan pengguna. Akan tetapi, malangnya isi kandungannya belum lagi diedarkan, diterangkan atau diberitahu seluas-luasnya kepada orang ramai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk membuat rayuan kepada Kementerian Penerangan menerusi siaran radio dan talivisyen supaya mengadakan penerangan, rancangan dan sebagainya supaya dapat memberi faham kepada orang ramai segala kandungan dalam undang-undang ini sebagaimana dipinda dengan bahasa yang mudah dan senang, dengan illustration, graphic dan sebagainya supaya orang tahu tentang apakah per-

undangan yang termaktub dalam undang-undang ini supaya undang-undang ini benar-benar berguna serta berjasa kepada orang ramai.

Begitu juga, saya mengambil kesempatan ini membuat rayuan kepada surat-surat-khabar, majallah dan sebagainya supaya membukakan ruangan dan mengadakan penulis-penulis untuk membuat rencana-rencana (article) khasnya dengan cara beransur-ansur memberi penerangan apa dia undang-undang ini, apa benda-benda yang dikawal dalam undang-undang, cara-cara serta peraturan yang tertentu, mudah-mudahan dengan kerjasama mass media dapatlah segala undang-undang yang telah dibuat ini dapat untuk kepentingan orang ramai betul-betul berguna. Setakat ini banyak undang-undang dibuat akan tetapi tidak diedarkan kepada orang ramai. Begitu juga, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri, saya harap dapat mengeluarkan risalah-risalah yang kecil-kecil dan dijual dengan harga yang murah samada 20 sen ataupun 30 sen tanpa membuat keuntungan. Perkara ini patut diberi subsidi dengan pertolongan Jabatan Penerangan, kerana ini adalah menjadi satu kewajipan kepada Kementerian Perdagangan kalau tidak ada duit ataupun peruntukkan yang terdapat dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian Penerangan patut menerima ini sebagai satu kewajipan mengeluarkan risalah-risalah dalam semua bahasa sebagai satu panduan yang berguna bukan sahaja pada pengguna-pengguna akan tetapi pihak peniaga dan orang yang berniaga sendiri. Sebab bukan semua orang-orang yang berniaga ini pandai ataupun tahu akan undang-undang, kadang-kala ada juga orang-orang yang sengaja mahu dapat keuntungan yang lebih membuat kesalahan dan sebagainya, tetapi kerap kali didapati orang-orang ini melakukan kesalahan kerana dia tidak faham dan tidak tahu dengan sebenarnya. Kalau ada buku panduan yang bukan sahaja memberi kandungan tetapi memberi penerangan (explanation) dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang-orang yang berniaga itu sendiri, mereka tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah undang-undang ini.

Pihak Pembangkang selalu membangkitkan soal apakah Kerajaan telah buat ataupun setakat manakah Majlis Penasihat Perindungan Pengguna telah berkhidmat. Inilah

satu daripada undang-undang yang dipinda dengan kerjasama dan usaha yang telah dijalankan dalam Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna dan saya harap usaha ini akan terus dijalankan untuk menyemak undang-undang lain yang semacam ini supaya dapat kita up-date memperkemas dan memperelokkan undang-undang ini berasaskan kepada pengalaman-pengalaman yang kita dapati.

Sebagaimana Yang Berhormat rakan saya bercakap tadi, beliau telah menerangkan beberapa cara, beberapa jalan yang terdapat di mana orang-orang luar bandar khususnya yang telah terpedaya oleh sebab amalan-amalan yang tidak diingini dengan cara menaikkan harga dan sebagainya. Perkara ini barangkali tidak terkawal oleh undang-undang. Sungguhpun begitu saya ingat demi kepentingan rakyat jelata dan pengguna-pengguna saya membuat rayuan kepada manufacturers dan pihak-pihak yang memasarkan barang-barang ini supaya menggunakan saluran-saluran penerangan mass media selalu memberitahu kepada orang ramai tentang harga yang direkomenkan dengan seluas-luasnya, dengan mengiklankan dalam suratkhbar-suratkhbar, supaya walaupun tidak ada undang-undang pada waktu ini yang mengawal harga barang-barang mewah (luxury items) yang semacam ini tetapi orang-orang yang menjual kereta (motor-car) biasanya membuat iklan menunjukkan harganya ataupun orang-orang yang menjual radio, talivisyen dan sebagainya mengikut mutu, taraf (quality) dan brand masing-masing menyiarkan harga-harganya. Amalan yang seperti ini akan menolong orang ramai supaya berjaga-jaga agar tidak tertipu dan tidak terpedaya oleh penjual-penjual yang kurang bertanggungjawab.

Saya ingin untuk mempertahankan kepentingan pengguna bukan sahaja Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan boleh membuat undang-undang, akan tetapi pengguna-pengguna sendiri menerusi pertubuhan atau badan masing-masing, dengan usaha masing-masing ataupun dengan cara kerjasama menerusi pertubuhan-pertubuhan mereka dapat juga sama-sama bekerja. Akan tetapi dalam usaha ini sangatlah perlu khususnya mereka yang berkuasa di lapangan mass media memberi pertolongan yang seboleh-bolehnya dan pihak perdagangan juga patut bekerjasama kerana dengan cara menjalankan perniagaan secara adil, secara sempurna

sahajalah dapat kita melanjutkan perdagangan secara sihat dan dapat faedah yang halal, yang sepatutnya dengan tidak menimbulkan persangka dan juga kesan-kesan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sukacita kerana kita dapat memberi sokongan kepada pindaan ini dan saya harap segala rayuan saya dengan meminta kerjasama daripada semua golongan itu dapat juga diterima dan diberi pertimbangan oleh semua pihak yang berkenaan.

6.50 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill seeks to amend the Hire-Purchase Act of 1967 and we in the D.A.P. will support such a reform or any step taken by the authority concerned if it is intended to protect the thousands of Malaysian consumers who buy goods on the "never-never". I believe that such a reform is long overdue and that the views of the Consumers Association, particularly those of the Selangor Consumers Association, must be given serious consideration.

Sir, Clause 4 of the Amendment Bill seeks to authorise the appointment of the Controller of Hire Purchase by the Yang di-Pertuan Agong and the appointment of Deputy Controllers and Assistant Controllers by the Minister. Such an amendment for the creation of the appointment of an office of the Controller of Hire Purchase is timely and it is hoped that with the appointment of such a full-time officer to take charge of this Department, many disputes, irregularities and malpractices may be rectified for the interest of the owner or dealer and the hirer. It is my hope that the officer-in-charge must seriously look into the malpractice by certain finance companies who demand "football money" and other unreasonable charges from intending hirers. If an intending hirer refuses to pay "football money", the chances are that the finance companies will turn down the hirer's request for finance and, therefore, the intending hirer has no other alternative but to comply with the request to pay "football money" even though it is illegal. Some finance companies may simply jack up the prices of the goods, so that the

amount of "football money" is covered in the sale. The question of "football money" is very widely practised among the finance companies, especially those who deal with second-hand goods. Since this is always being transacted in cash, it cannot be found in the accounts or books of the said companies, and therefore, this money is pocketed by the directors and they thus evade income tax. Considering the number of finance companies in the country this kind of transaction is very great, which amounts to million of dollars a year. This is certainly a great loss of revenue to the Government.

Secondly, such a malpractice will lead to a further financial burden to the hirer, most of whom, if they have a choice, will not buy goods on hire-purchase terms. Sir, big finance institutions like banks C.C.M., M.B.F. and the like have stopped giving out hire-purchase loans to individual hirers nowadays. They prefer to give out big loans to firms or dealers under block discounting and, as such, the hirer finds it difficult nowadays to raise loan under hire-purchase from these big finance companies. These poor hirers are forced to turn to smaller finance companies who demand "football money" ranging from 2 to 10 per cent on the sum borrowed.

Mr Speaker, Sir, Clause 5 of the Amendment seeks to allow repossession of goods let out on a hire purchase only after two successive defaults in payments or a default in respect of the last payment and also to require persons carrying out repossession to comply with regulations that may be made under the Act as to the manner of such repossession. This provision of a longer period, before repossession of goods could take effect, will be most welcome by all hirers. It is considered generally to be very fair and reasonable, so that the hirer concerned could have sufficient time to raise money to settle for overdue instalments and thus would not be faced with the problem or fear of possible seizure of his hired goods. On the other hand, I feel that his prolonged time of two months, plus 21 days of service of notice, would not cause any unnecessary financial hardships to the dealer concerned, because it is provided in the Act that they can charge additional interest on overdue interests. I do not think there

should be any grounds for complaints by the owners or dealers over this extension of time for the seizure goods.

Sir, Clauses 8 and 9 of the Amendment Bill seek to increase the penalty under the Act. I do not understand why there is a vast difference in the extent of penalty imposed under these two Clauses. After all, these offences are more or less identical—Clause 8 is meant for the dealer who commits an offence for giving false information in the agreement, while Clause 9 is meant for the hirer who fraudulently disposes of the hired goods.

After all, when the offences are identical, the penalty should be the same. So why is there a discrimination against one another? Is the Minister favouring the dealer more than the hirer? I hope the Minister concerned will explain on the difference in the increase of penalty under these two clauses. I submit that when a similar offence is committed whether by the dealer or hirer, the same penalty should apply to both and there should not be double standards.

Lastly, I wish to touch on the term "charges". I take this opportunity to call on the Minister to consider amending the Act, so that the hirer will only have to pay 10% interest on the money he borrows. To be specific, I suggest that the interest that the hirer pays should be calculated based on the yearly reducing balance of the cash price of the goods. According to the present custom, the hirers are paying more than 20% interest on the whole if the instalments are spread over a period of two to three years. So, this practice is most unfair to the hirer and it only benefits the dealer or the big-time finance companies. The Government should look into this and amend schedule 6 of the Act, so that the hirer only pays 10% interest on a sliding scale of the sum borrowed.

7.02 *ptg.*

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan perhatian malahan teguran terhadap Undang-undang (Pindaan) kepada Rang Undang-undang Sewa-beli, 1967 dan izinkan saya memberi

sedikit jawapan dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang menyatakan bahawa harga yang dikenakan kepada barang-barang yang dijual dari segi sewa-beli adalah mengikut harga ansuran bukan tunai, suka saya menyatakan di sini bahawa mengikut peruntukan Rang Undang-undang ini barang-barang yang dijual dari segi sewa-beli adalah mengikut harga tunai dan bukan harga ansuran. Mungkin perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam mana ada pihak yang telah membeli barang-barang sewa-beli ini dengan harga ansuran, mungkin adalah pembelian bukan dari segi belian sewa-beli bahkan belian secara credit sale dalam mana mengikut undang-undang juga ada takrifnya yang menyatakan bahawa pembelian secara credit sale itu bukanlah termasuk dalam erti kata atau takrif pembelian sewa-beli bahkan adalah pembelian credit sale di dalam mana barang itu berpindah milik apabila sahaja dipersetujui pembelian di antara orang yang menjual dan orang yang membeli. Jadi, dalam perkara yang seperti ini perlulah bagi pihak-pihak yang membeli barang dengan rupa atau dari segi sewa-beli itu mengkaji dengan mendalamnya samada pembelian itu adalah pembelian dari segi sewa-beli ataupun credit sale dan kalau sekiranya menjadi hasrat kepada orang yang membeli itu hendak membeli dengan secara sewa-beli maka terpaksa lah ianya meminta atau mendesak supaya diadakan perjanjian secara bertulis dari segi sewa-beli sebagaimana yang terkandung di dalam undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan di atas adanya perkara berlaku dalam mana harga pendahuluan yang dibayar itu adalah tersangat mahal. Di sini suka saya menyatakan bahawa di bawah undang-undang yang asal iaitu di bawah Seksyen 30 memang ada terkandung satu fasal dalam mana harga ataupun banyaknya wang pendahuluan yang perlu dibayar itu adalah ditetapkan dengan kadar yang berpatutan dan adalah selalu dikehendaki terkandung di dalam surat perjanjian secara tertulis yang diadakan di antara orang yang menjual ataupun yang mengadakan penjualan secara sewa-beli ini. Jadi, terpujanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya

mengawal mengenai harga ataupun banyaknya wang pendahuluan itu mestilah mengikut kadar yang berpatutan.

Saya menerima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang telah menyentuh dan meminta supaya diadakan penerangan ataupun penjelasan menerusi mass media suratkhbar tentang tujuan kandungan undang-undang ini dan juga pindaan kepada undang-undang ini. Perkara ini akan dijalankan memandangkan kepada adanya kenyataan pada kita bahawa ramai orang yang tidak memahami dengan mendalam di atas tujuan-tujuan undang-undang ini sungguhpun undang-undang ini telah berjalan kuatkuasanya semenjak tahun 1967.

Menyentuh cadangan dari Ahli Yang Berhormat supaya harga yang berpatutan yang dibeli oleh orang yang menyewa itu diterangkan kepada umum, saya akan mengkaji perkara ini dan kalau boleh dilaksanakan cadangan itu.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai perbezaan di antara penalty ataupun hukuman di antara Seksyen 35 dan 37, maka penalty ini ataupun hukuman yang dikenakan di bawah Seksyen 37 itu adalah lebih banyak lagi daripada di bawah Seksyen 35 ialah oleh kerana kami menganggap bahawa kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 37 itu adalah lebih berat, lebih banyak implikasinya daripada kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 35.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.13 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta ini dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1973 dan sejak tarikh penguatkuasaan itu adalah didapati banyak kelemahan-kelemahan dan masalaah-masalaah yang timbul. Kesukaran pertama ialah melibatkan kerja-kerja penyelidikan dan pungutan simpanan dan eksport/impot hidupan liar untuk tujuan sains, perubatan dan permainan (Muzium dan Zoo). Di dalam Akta itu juga didapati kelemahan, mitalnya Ketua Pelindung Mergastua tidak mempunyai kuasa yang seharus ada pada-nya.

Kelemahan-kelemahan dan masalaah-masalaah yang didapati dalam Akta ini menyebabkan perlaksanaannya tidak begitu licin dan memuaskan. Objektif asalnya tidaklah dapat dicapai kerana penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Dengan pindaan yang dicadangkan itu adalah diharapkan Akta tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan dapat memenuhi objektif asalnya.

Sukacita saya mengambil peluang di sini untuk menghuraikan serba sedikit maksud-maksud pindaan kepada beberapa seksyen Akta Perlindungan Hidupan Liar itu. Seksyen-seksyen yang dipinda itu adalah tercatat dalam Rang Undang-undang tersebut:

Seksyen 7—

Seksyen 7 Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 memberikan kuasa kepada Pelindung Mergastua dan pegawai yang berkuasa untuk menggelidah dan masuk tanpa waran. Dalam seksyen ini juga tidak diterangkan kuasa merampas tanpa waran. Kuasa masuk dan menggelidah tanpa waran memainkan peranan penting bila sahaja kesalahan berlaku. Di Semenanjung

Malaysia mempunyai lima pegawai dengan kuasa tersebut yang mana telah ditempatkan di negeri Perak, Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor. Adalah menjadi kesukaran bagi kelima-lima pegawai tersebut dan tidak mungkin bagi mereka untuk berada di tiap-tiap tempat kesalahan berlaku. Pindaan yang dicadangkan pada Seksyen 7 ini akan memberi kuasa kepada Timbalan Pelindung Mergastua dan Penolong Pelindung Mergastua yang berjumlah 14 orang untuk memasuki, menggelidah dan merampas tanpa waran.

Seksyen 21—

Menurut Seksyen 21, cuma Pelindung Mergastua boleh mengeluarkan kompaun bagi kesalahan yang melibatkan jenis-jenis mergastua yang diperlindungi. Disebabkan beberapa negeri, Timbalan Pelindung Mergastua dan Penolong Pelindung Mergastua berkhidmat sebagai Ketua Jabatan, kuasa kompaun yang terhad kepada Pelindung Mergastua telah menimbulkan masalaah. Tujuan pindaan kepada Seksyen 21 ini ialah untuk memberi kuasa kompaun kepada Timbalan dan Penolong Pelindung Mergastua.

Seksyen 22—

Kuasa mendakwa dihadkan kepada Pelindung Mergastua. Oleh yang demikian, sekurang-kurangnya bagi satu negeri, Pelindung Mergastua menggunakan hampir-hampir semua masanya mendakwa kes di negerinya dan negeri-negeri berdekatan. Sebilangan kecil pendakwaan di tempat-tempat tertentu di mana dibuat pengumuman boleh mengurangkan berlakunya kesalahan disebabkan kesan psikologi yang menakutkan pemburu-pemburu secara haram dan dengan cara yang sama akan mengurangkan kesalahan berlaku. Adalah perlu beban pegawai Penolong Mergastua tersebut dikurangkan, di samping itu menentukan bahawa tiap-tiap negeri mempunyai pendakwa sendiri. Pengalaman kerja dalam mahkamah telah melahirkan pegawai-pegawai yang berkebolehan dan boleh diharapkan. Pindaan yang dicadangkan (sekarang Seksyen 22 (1) dan (2)) bertujuan mendapatkan kuasa mendakwa kepada Timbalan Pelindung Mergastua dan kepada Penolong Pelindung Mergastua yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pelindung Mergastua.

Seksyen 32—

Menurut Seksyen 32, kuasa Menteri telah dihadkan di mana dari masa ke semasa boleh mengeluarkan tidak lebih daripada lima permit dalam satu tahun. Jadi pindaan bagi seksyen ini harus dibuat bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri mengeluarkan beberapa lesen yang difikirkan perlu.

Seksyen 51—

Seksyen 51 nampaknya membenarkan keluaran 5 permit dalam masa satu tahun. Tiap-tiap permit adalah sah selama satu bulan untuk pungutan jenis-jenis binatang yang diperindungi sepenuhnya. Adalah jelas bahawa masa maksima yang dibenarkan bagi sesiapa menjalankan penyelidikan ialah satu bulan dalam satu tahun. Bagi tujuan yang sama iaitu penyelidikan ke atas jenis-jenis binatang yang diperindungi syarat-syarat pengambilan lesen hendaklah diikuti. Cara ini tidak sesuai bagi tujuan sains disebabkan musim dan sebagainya. Ekspot dan impot jenis-jenis binatang yang diperindungi sepenuhnya adalah juga ditegah. Pindaan pada Seksyen 51 akan membolehkan pungutan simpanan impot dan ekspot ke semua jenis binatang dikeluarkan permitnya oleh Yang Berhormat Menteri kepada sesiapa tertakluk kepada budi bicaranya.

Seksyen 55—

Seksyen 55(4) telah dicadangkan juga kepada Akta sebagai seksyen baru. Mengikut seksyen yang telah sedia ada, sesiapa yang membunuh ataupun mengambil binatang liar atau burung liar yang diperindungi bertujuan menyelamatkan nyawa, harta benda atau tanaman, dikehendaki menyerahkan hidupan liar tersebut kepada Perlindungan Mergastua Negeri. Pindaan ini akan membolehkan hidupan liar diserahkan kepada Pegawai Jabatan Mergastua yang berdekatan sekali.

Seksyen 58—

Terdapat kepada Seksyen 58 ini, berkaitan dengan kesalahan-kesalahan simpanan (possession) jenis-jenis binatang yang diperindungi sepenuhnya. Menurut bekalan dalam Akta, menyimpan sebahagian daripada binatang liar atau burung liar tanpa lesen tidak menjadi kesalahan. Mengikut pengalaman Jabatan Mergastua selalunya sebahagian binatang itu sahaja tinggal untuk

dijadikan bukti, yang lain telah dimakan ataupun dibuang. Pindaan yang dicadangkan akan membaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Seksyen 58.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya keseluruhan dari cadangan pindaan yang dikemukakan itu ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran di Jabatan Mergastua. Dan dengan huraian ringkas seperti yang disebutkan itu adalah diharapkan pindaan kepada Akta ini mendapat sokongan dan kelulusan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.19 ptg.

Tuan Aw How Cheong (Telok Anson): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I rise to support the Bill which seeks to amend the Protection of Wild Life Act, 1972. The amendment will tighten the existing law relating to the protection of wild life. The necessity to conserve our natural, unspoilt jungles and to protect endangered animals or species needs no further comments, as it has already been eloquently argued in a booklet entitled "Malaysian Wild Life—A Plea for Survival", issued by the World Wild Life Fund, Malaysian Chapter, which is chaired by our distinguished Yang Berhormat Mr Speaker.

However, I am of the opinion that it is not enough just to protect to preserve or conserve. As we open up more land for development for agriculture and resettlement, more trees are being cut down and more plants are being destroyed. The natural sanctuary for our wild animals to roll and to multiply are also getting smaller. It is, therefore, necessary that in addition to the measure we take to preserve and protect, we must also take steps to design a programme to regenerate some of the trees or plants in areas which are set aside specifically to grow or cultivate those vegetation which cannot regenerate in abundance due to the ever dwindling space or acute weather conditions. For example, our ordinary orchids are already well received in many foreign countries. If our Wild Life Organisation or the Agriculture Department would help to identify some of the very rare species of orchids, someone can grow those

species to earn foreign exchange for the country. We must also take steps to help multiply in captivity certain species of our animals such as the orang utan or the tiger, which are in danger of extinction and which cannot multiply in great numbers under surroundings which are constantly disturbed by men. The rearing of animals of rare species will no doubt also bring financial benefits to our country. It may be worthwhile to consider multiplying those rare species by artificial insemination or hatching.

Tuan Yang di-Pertua, while I just mentioned that we should not only protect and preserve but also to help to regenerate and multiply, there may be also occasions when we have to do exactly the opposite and that is, to remove or even to destroy some of our very rare animals. I refer particularly to the elephant hazards in the Changkat Jung and Hutan Melintang area in my constituency. Up to 1974, roughly 80,000 acres of trees previously forest reserves had been opened up for agricultural purposes. The land that was once the home of the elephants are now occupied by men. These animals are now a danger to the planters, to their crops and to the kampung people who live on the verge of these new plantations. With their natural surroundings taken over by men, the elephants in search for food and water come into the planted area destroying or uprooting many plants in the process. A number of houses have also been pulled down and a few people attacked, very fortunately not fatally. I take this opportunity, therefore, to ask the Government to increase the number of officers in the Game Department to help to control the animals, thereby also protect crops.

Tuan Yang di-Pertua, in order to harness the wild animals, in this case the wild elephants, I understand that tamed or trained elephants are used to lure and capture the wild ones. In this respect, we need to train more such elephants to cope with the wild elephants. If the Game Department failed to bring the wild elephants under control, there is really no alternative but to destroy them. I really hope there is no necessity to take such a drastic action but if it is a choice between the preservation of the wild animals and the survival or the economic well-being of the human race, then it is only natural that man has to look after his own survival first.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Mesyuarat*)

7.25 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu Suatu Akta bagi meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar yang telah dibuat pada tahun 1972.

Sepatutnya Rang Undang-undang ini telah lama dikemukakan di dalam Dewan ini supaya hidupan liar yang ada di negara kita dapat diselamatkan dan dikawal daripada terbiar begitu sahaja kerana hidupan liar adalah hiasan alam semula jadi yang dijadikan Tuhan untuk dinikmati oleh manusia baik di udara, di darat ataupun di air. Setiap hidupan liar adalah memberikan keistimewaan yang tertentu baginya dan sudah sewajarnya kita memelihara, mengawal dan kalau boleh elakkan daripada terhapus sama sekali di Malaysia ini dan kita patut jadikan amalan yang baik mengikut peraturan menangkap dan satu daripadanya tidak bengis kepada binatang. Oleh kerana hidupan liar ini begitu berfaedah benar kepada manusia samada untuk dimakan dagingnya ataupun digunakan kulit atau gadingnya maka manusia telah memburu untuk mendapatkannya.

Dengan adanya Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan ini bolehlah kita jangka akan keadaan kehidupan liar ini dapat dikawal, tetapi saya bimbang sedikit kerana kita mengawal dan melindungi hidupan liar. Kebanyakan kebimbangan ini akan terus berjalan berlanjutan selagi kita tidak mengadakan satu kawasan perlindungan khas kepada kehidupan liar yang luas dan sesuai dengan kehidupan haiwan tersebut. Sebabnya banyak kawasan-kawasan hutan telah dibuka dengan luasnya diteroka kawasan untuk pertanian samada dibuka disahkan oleh Kerajaan ataupun dibuka di luar daripada kawalan undang-undang kerana kita faham, kita ambil contoh seekor gajah sahaja memerlukan kawasan seluas 4 ekar dalam masa satu hari untuk ia mendapatkan makanan, tetapi kalau kawasan ini telah tiada tentulah ia mengganas atau memakan bahan-bahan yang ada berhampiran dengannya.

Tidak ada undang-undang untuk melindungi Pegawai Mergastua yang melindungi hidupan liar ini kerana pegawai-pegawai ini bertugas terus-menerus, pendek kata bila sahaja ada sesuatu kejadian Pegawai Pelindung ini terus sahaja bertugas walaupun di satu kawasan yang jauh dengan tidak kira hari minggu dan sebagainya. Pegawai Petugas ini biasanya tidak digalakkan melakukan pembunuhan, cuma menghalau sahaja dengan menggunakan senapang patah. Kalau keadaannya merbahaya, barulah digunakan untuk dibunuh. Dengan keadaan inilah, saya rasa kerana kawasan yang diperuntukan kepada kehidupan liar ini tidak ada, maka sudah pastilah tentu Pegawai Pelindung Mergastua ini hendak menyelamatkan dirinya dahulu daripada dia menjadi mangsa oleh hidupan liar itu. Dan jika kemalangan pula berlaku semasa Pegawai Petugas Pelindung Mergastua ini tidak ada pula peruntukan yang khusus membolehkan mereka itu mendapat saguhati ataupun saguhati daripada kecederaan mereka ataupun kematian. Jadi dengan demikian tentulah pegawai itu berfikir sebelum dia mati ataupun dia mendapat cedera lebih baik binatang liar itu dicidekan ataupun dibunuh terlebih dahulu. Oleh itu, saya mengesyorkan atau mencadangkan sudah sampailah masanya dan ketikanya pihak Kementerian menubuhkan satu badan atau jawatankuasa untuk mengkaji bagi menetapkan kawasan-kawasan yang dikhaskan kepada haiwan-haiwan ataupun kepada binatang-binatang liar terutama sekali gajah yang selalu sahaja membinasakan tanaman pertanian yang diusahakan oleh petani-petani, yakni di mana-mana kawasan hutan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan pertanian disebelahnya itu yang mana ada lagi gajah tentulah pihak yang berkenaan sepatutnya menangkap gajah ini dipindahkan kepada satu kawasan yang dikhaskan kepada gajah. Jadi tentulah untuk cara ini, saya rasa boleh dilakukan oleh Jabatan yang berkenaan.

Kajian juga perlu dibuat bagi melindungi pegawai-pegawai Petugas Pelindung Mergastua supaya jika ada ataupun jika berlaku kejadian yang tidak diingini berlaku yakni perlulah ditubuhkan ataupun diadakan satu Tabung Khas jika mereka mati misalnya semasa menjalankan tugas adalah saguhati sama seperti yang didapati oleh Pasukan Tentera kita, ataupun diambilkan insurannya tidaklah mereka sendiri sahaja yang meng-

ambil insuran, ataupun dengan lain jalan diadakan satu tabung caruman khas, ertinya tiap-tiap bulan Pegawai Pelindung Mergastua ini mencarumkan kemudian jika mereka ini tidak ada berlaku apa-apa kejadian bila mereka ini bersara, bolehlah dikeluarkan sama seperti dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jadi adalah jaminan yang mereka ini semasa mereka bertugas untuk melindungi hidupan liar ini benar-benar ada jaminan untuk keluarga mereka di masa akan datang.

Akhirnya, saya berharap dapat dipertimbangkan keperluan-keperluan yang dicadangkan supaya benar-benar dapat kita pastikan bahawa seluruh Pegawai Pelindung Mergastua Hidupan Liar ini dapat diselamatkan daripada kejadian-kejadian yang tidak diingini.

7.34 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang membuat pindaan terhadap Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya mengingatkan kembali kepada Dewan tentang ucapan Tuan Felipe Benavides, President of Prodena atau World Wild Life Fund, Peru dan sebagai pemegang hadiah Paul Getty yang berupa hadiah memper tahankan hidupan liar. Beliau pernah berkata bahawa kebanyakan bangsa yang maju di dunia ini telahpun menghantarkan manusia ke bulan sementara bangsa-bangsa yang miskin didapati amat susah untuk terus hidup di muka bumi ini, kalau dibandingkan dengan dunia haiwan walaupun dalam keadaan mereka yang sentiasa disakiti oleh manusia namun mereka mampu untuk terus hidup lebih lama.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah juga berkata bahawa kebanyakan negara di dunia ini cuma mengambil tahu tentang masalaah-masalaah yang mereka hadapi sahaja, dengan demikian menganggap soal alam sejagat kita sebagai perkara masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, tanpa persamaan dengan negeri-negeri lain, di sini suka saya memberikan perhatian bahawa Kerajaan kita cukup serious dalam soal kebajikan hingga sanggup memberikan perhatian kepada dunia ketiga dengan memperkenalkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dalam beberapa fasal dan seksyen yang berkenaan ianya akan memberikan kuasa yang lebih kepada Jabatan Mergastua dan Pelindung Mergastua untuk melindungi manusia dan tanaman-tanaman dari kemusnahan dan juga saya harap memperlindungi hidupan liar dari buruan ganas oleh manusia. Tugas Pelindung Mergastua memberikan beliau kuasa melindungi dalam keadaan yang bertimbangrasa di antara manusia dan hidupan liar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya memberikan perhatian dan mengucapkan tahniah kepada Tabung Hidupan Liar Dunia, cawangan Malaysia yang diwujudkan adalah untuk menjaga dan mempertahankan hidupan liar di negeri kita. Saya seterusnya memberikan tahniah kepada Tan Sri Speaker untuk menjadi pengasas pertubuhan ini yang telah bermurah hati memikirkan perkara melindungi sumber-sumber semula jadi kita dan saya harap mereka akan dapat menghasilkan cita-cita mereka dengan pertolongan dan sokongan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dunia haiwan yang tidak dapat bersuara dan memberikan penentuan sentiasa membisu untuk mengharap manusia memberikan matlamat akhir untuk mereka hidup terus. Manusia dengan senapang dan lesennya adalah bebas untuk memburu dengan sewenang-wenangnya yang dapat dilakukan, tetapi ini mestilah ada hadnya untuk diberhentikan.

Rang Undang-undang ini pada pendapat saya adalah tepat pada masanya untuk melindungi dan mempertahankan dunia hidupan liar dari dimusnahkan oleh manusia-manusia yang kononnya telah bertamadun. Sekiranya kita masih ada juga tidak aktif dalam menghadapi soal ini, saya yakin pemberian alam semula jadi yang diamanahkan kepada kita akhirnya di satu masa kelak akan luput dari pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Akta ibu yang diperkenalkan dalam tahun 1972 akan mendatangkan hasil yang baik dan kita menjangkakan sesuatu yang lebih baik akan terbukti apabila pindaan-pindaan ini dilaksanakan. Sekiranya, Tuan mengizinkan, suka saya merujuk kepada Fasal 7 di mana ianya memberikan kuasa kepada Timbalan Pelindung Mergastua mengenakan hukuman. Ini akan mengingatkan saya kepada satu kejadian di mana seorang yang jahil yang

tinggal di dalam kawasan pilihanraya saya di Sungai Siput telah disabitkan kesalahannya dan didenda sebanyak \$500 di bawah peraturan melakukan kezaliman kepada binatang-binatang. Ini adalah berpunca dari keikhlasan hati orang yang tersebut terhadap seekor kera yang didapati luka. Semasa kera itu dijumpai ditepi sebatang jalan dalam keadaan luka, seorang hamba Allah telah bermurah hati memberikan kera itu pertolongan cemas dengan menggunakan ubat asli. Akibat dari perbuatan ikhlasnya itu ia telah ditangkap tanpa disoal dan kemudiannya dihukum di dalam Mahkamah Undang-undang. Saya percaya orang itu tiada memahami peruntukan undang-undang itu. Oleh itu, suka saya menyatakan bahawa apabila kuasa telah diletakkan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan mereka mestilah mengkaji asal kejadian dan usul kes itu sebelum mereka menghukum seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 di dalam Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Pelindung Mergastua dan Timbalan Pelindung Mergastua menembak hidupan liar untuk tujuan melindungi tanaman-tanaman. Tetapi ianya tidak menyebutkan apa-apa pun tentang memberikan perlindungan kepada manusia.

Di sini saya sekali lagi suka memetik dua kejadian yang berlaku di dalam kawasan Sungai Siput di mana dua orang penduduk di Rancangan FELDA, Lasa telah dipijak mati oleh se ekor gajah liar. Saya tidak tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Mergastua hingga ke hari ini untuk memperbaiki keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kemalangan dilaporkan, pegawai-pegawai dan Jabatan Mergastua akan datang untuk melakukan sedikit penyiasatan dan kemudiannya melaporkan bahawa gajah-gajah itu telah hilang ke dalam hutan tebal. Mereka tiada langsung cuba menjejak atau menjaga kawasan itu untuk beberapa hari. Perkara ini berlaku apabila gajah-gajah itu terdampak di sekitar kawasan tertentu di mana pada ketika itu Pelindung Mergastua itu tidak ada di situ, tetapi apabila Pelindung Mergastua tidak tiba di kawasan yang sama malangnya gajah-gajah tersebut agak bijak tiada mahu menampakkan dirinya. Dengan demikian saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, orang ramai mestilah diberitahu dengan sepenuhnya terhadap isi

kandungan Rang Undang-undang ini dan penerangan yang cukup hendaklah diberikan berkenaan dengan Perlindungan Hidupan Liar.

7.44 m/m.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang bagi melindungi hidupan-hidupan liar ini. Sebagaimana yang telahpun kita maklum oleh kerana negara kita sedang membangun, banyak hutan-hutan yang ditebang dan ditebas untuk diteroka dan sebagainya yang menyebabkan kawasan hidupan bagi binatang-binatang liar ini makin sempit. Dan ada setengah-setengah binatang liar yang menjadi kemegahan kepada negara telahpun hampir-hampir pupus, maka dengan sebab itu saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini kita harap dapat melindungi hidupan-hidupan liar yang saya katakan tadi. Jadi, saya berpendapat kalau hanya dengan Undang-undang dan kuatkuasa yang lebih diberikan kepada pegawai-pegawai dan juga barangkali hukuman-hukuman tertentu kepada mereka yang membunuh ataupun menghapuskan hidupan liar ini saya rasa tentulah tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya dengan cara saikoloji kita berikan lebih kepada penduduk-penduduk samada daripada kanak-kanak atau orang dewasa supaya mereka sentiasa menyayangi dan cuba hendak melindungi binatang-binatang liar yang saya katakan tadi. Dengan cara ini, saya percaya lebih lagi mendalam seperti kata rakan-rakan saya tadi setengah-setengah pemburu dengan senjata seperti senapang dan sebagainya dengan mudah membunuh hidupan liar yang semakin hari semakin berkurangan. Dengan memberikan pandangan yang mendalam seperti kita mengadakan kempen untuk melindungi hidupan-hidupan liar ini saya percaya dan yakin kita boleh mendapat kerjasama yang lebih dengan tidak payah kita menguatkuasakan Undang-undang.

Saya juga berpendapat kiranya dengan usaha samada daripada Kementerian ataupun Jabatan ini untuk menubuhkan satu persatuan bagi melindungi hidupan-hidupan liar yang bermaksud seperti saya katakan tadi untuk memberikan secara saikoloji

kepada penduduk-penduduk supaya dapat melindungi, bukan sebaliknya pula terhadap hidupan liar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa Pegawai Perlindungan Mergastua ini amatlah kurang kalau dibandingkan dengan kawasan negara kita ini. Jadi, dengan sebab itu selalu kejadian terutamanya bila dapat aduan samada daripada peladang-peladang, petani-petani, orang perseorangan mengatakan ada binatang-binatang liar samada merosakkan pertanian atau sebagainya kerana kekurangan pegawai dan petani-petani tadi tidak dapat menunggu sehingga pegawai datang, kadang-kadang bagi satu daerah cuma ada seorang pegawai sahaja, maka petani-petani itu bertindak persendirian. Inilah yang menyebabkan selalu penghapusan ataupun kematian binatang-binatang liar yang saya katakan tadi. Sekiranya dapat ditambah Pegawai-pegawai Perlindungan Mergastua ini saya percaya dan yakin dapatlah kita mengatasi keadaan ini. Begitu juga kiranya mungkin, kerana kesulitan dari segi kewangan dan sebagainya kita tidak dapat hendak mengadakan pegawai-pegawai yang cukup, saya percaya tentulah boleh Jabatan ini dengan kerjasama samada daripada pasukan polis atau sebagainya supaya dapat sama-sama menolong. Bagi binatang-binatang liar yang merbahaya, misalnya, gajah atau sebagainya kadang-kadang sekawan gajah tentulah tidak dapat dihadapi ataupun dikawal oleh satu dua orang Pegawai Perlindungan Mergastua. Tetapi kalau sekiranya ada kerjasama samada daripada pihak polis dan sebagainya apabila ada kejadian seperti ini berlaku dan satu rombongan menghadapinya tentulah dapat keadaan-keadaan ini kita kawal. Saya juga mencadangkan oleh kerana menghadapi binatang-binatang liar ini tentulah menggunakan cara saikoloji secara pendidikan juga, patutlah pegawai-pegawai kita dihantar keluar negeri. Mungkin dengan cara latihan yang tertentu, katalah, gajah yang garang apabila ditenung sahaja oleh Pegawai Mergastua yang ada pengetahuan tertentu gajah itu sudah tidak berani hendak bertindak lagi ataupun lemah sahaja. Begitu juga binatang-binatang lain saya percaya ini boleh kita buat sebab dari segi pengalaman kita terutamanya negeri-negeri barat bagaimana mereka menghadapi binatang-binatang

liar ini dengan cara yang berlemah-lembut dan saya dapati ini dari segi priktikalnya memang boleh mendapat kejayaan.

Begini juga sebagaimana negara-negara lain ada taman negara khusus kerana binatang-binatang liar ini. Saya juga mencadangkan patut juga kita memikirkan keadaan ini memandangkan seperti saya katakan tadi banyak kawasan-kawasan hutan belantara kita semakin hari semakin banyak diteroka samada FELDA dan sebagainya yang pada satu masa nanti mungkin tidak ada lagi kawasan hutan. Jadi hidupan liar ini yang menjadi kemegahan sebagai perhiasan negara patutlah kita sediakan satu tempat yang sesuai bagi mereka samada yang di air, udara seperti burung-burung dan juga yang di daratan seperti saya katakan tadi setengah-setengahnya barangkali susah kita hendak berjumpa lagi. Ada barangkali satu dua ekor ataupun satu dua pasang pada tiap-tiap kawasan. Kalau kita tidak mengambil satu perhatain yang mendalam saya takut satu masa nanti binatang-binatang liar yang saya katakan tadi akan hapus dari muka bumi negara kita ini. Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang pindaan ini semoga akan dapat mendatangkan hasil yang baik sebagaimana yang kita kehendaki.

7.50 mlm.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap berkaitan dengan Akta Perlindungan Hidupan Liar yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya melihat ada beberapa fasal dalam Akta ini yang nampaknya besar kuasa diberi kepada Ketua Pelindung Mergastua dan Pembantu-pembantunya dalam beberapa hal seperti dalam hal kuasa merampas dan menggelidah tanpa waran dan sebagainya demikian juga untuk memasuki tanah-tanah reserve Kerajaan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dengan kuasa yang diberikan ini pegawai-pegawai atau Penolong-penolong Pelindung Mergastua ini akan menjalankan tugas-tugas yang akan membebankan orang-orang kampung. Saya katakan begini, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput seorang hamba Allah yang telah didakwa kerana hendak

menolong mengubat seekor kera, telah didenda. Ini memang berlaku kepada orang-orang kampung kita. Saya bimbang pihak-pihak pegawai-pegawai yang menjalankan kerja ini menjalankan langkah-langkah yang keras dan kasar hingga menimbulkan perasaan marah di kalangan orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah mengkompaun kepada orang yang melakukan kesalahan ini, saya harap supaya direngankan sedikit kepada orang kampung jika mereka telah melakukan kesalahan, kerana maklum sahajalah, orang kampung. Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara menangkap binatang-binatang liar ini khasnya buru-memburu memang menjadi kegemaran mereka. Jikalau kita terlampau keras kepada mereka, sudah tentu akan menimbulkan keadaan yang kurang baik. Walaupun kita akui bahawa kita hendak memelihara binatang-binatang liar ini, tetapi bukan semua binatang-binatang liar yang kita pelihara itu sehingga menyebabkan menjadi kesusahan kepada orang kampung termasuk juga Orang Asli. Saya rasa mereka tidak terlindung daripada undang-undang kerana Orang-orang Asli ini berkaitan juga.

Saya ingin menyebut berkenaan jerat. Kalau tidak salah saya Fasal 19 iaitu jerat adalah menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan kalau jerat dijumpai dekat dengan rumah-rumah orang itu dan orang itulah yang boleh didakwa kerana menggunakan jerat untuk menangkap binatang liar. Saya rasa patutlah jerat ini dikeluarkan lesen juga sebab menjadi satu minat kepada orang kampung untuk menjerat binatang-binatang kecil seperti pelanduk dan binatang-binatang kecil yang lain. Saya rasa biarlah dilonggarkan sedikit kerana walau macamanapun kita mesti ingat juga kepada orang-orang zaman dulu yang suka memburu dan raja-raja pun, Tuan Yang di-Pertua, suka memburu. Jadi sekarang ini orang kampung pun masih ada perangai hendak memburu dan biarkanlah undang-undang itu dilonggarkan sedikit.

Satu perkara lagi, ialah masaalah orang-orang kampung yang mencari binatang-binatang untuk dibuat ubat, misalnya burung belatuk. Binatang ini juga termasuk di dalam fasal binatang liar, Tuan Yang di-Pertua. Burung belatuk ini boleh dibuat ubat darah tinggi, ubat kuat dan sebagainya. Sepatutnya pihak Yang Berhormat Menteri membuat

perkiraan ataupun membuat pengecualian supaya orang-orang yang hendak buat ubat boleh mencari binatang-binatang liar sebab binatang-binatang liar memang banyak faedahnya seperti memberang, belatuk dan lain-lain. Memang banyak faedahnya bagi orang-orang kampung untuk dibuat ubat, terutamanya dikalangan orang-orang Melayu ataupun orang-orang China yang memang suka benar membuat ubat ramuan daripada binatang-binatang liar. Saya rasa Yang Berhormat Menteri kita boleh mengambil tindakan apa yang saya sebutkan tadi.

Di samping itu saya ingin mengalu-alukan langkah Yang Berhormat Menteri mengadakan peruntukan supaya memberi kuasa kepada pihak Pegawai-pegawai Pelindung Mergastua untuk menembak binatang-binatang liar yang merosakkan tanaman. Saya ucapkan terima kasih kerana memang menjadi masaalah kepada orang-orang kita terhadap binatang-binatang liar yang besar (bukan binatang-binatang liar yang kecil) seperti babi hutan, gajah, beruk dan kera. Binatang-binatang ini semuanya merosakkan tanaman.

Binatang-binatang liar itu bukan sahaja merosakkan rancangan-rancangan Kerajaan seperti rancangan FELDA, bahkan juga kepunyaan orang-orang perseorangan banyak juga dirosakkan oleh binatang-binatang liar seperti ini. Jadi sepatutnya pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberi kuasa kepada Pelindung Mergastua dan Penolong-penolongnya untuk memberi kuasa kepada Ketua Kampung ataupun Pegawai Rela bagi menembak jika sekiranya didapati binatang ini merosakkan tanaman orang-orang kampung. Sebab kalau hendak dijemput Penolong Mergastua untuk pergi tembak, tiga hari, baru datang, sebab kawasannya luas. Apabila dia tiba, buah-buahan itu sudah habis dimakan kera. Jadi kalau ditembak salah, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri kalau kena tangkap, dendanya \$500 jadi kalau dibiarkan kera itu mengambil buah rambutan, kita mengalami kerugian \$500.

Jadi mana yang hendak pilih, Tuan Yang di-Pertua. Hal ini saya harap Yang Berhormat Menteri tolonglah ambil perhatian sedikit.

Seterusnya saya mencadangkan supaya binatang-binatang liar ini kita kumpulkan setempat. Umpamanya Taman Negara, Pahang kawasannya luas. Kawasan-kawasan yang hendak dibuat rancangan seperti Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah yang hendak diteroka kawasan-kawasan ini tentulah banyak binatang liar itu ada di sana. Saya syorkan supaya pihak yang berkenaan ini pindahkan binatang-binatang yang liar seperti gajah, beruang dan sebagainya ke Taman Negara kerana binatang seperti itu bukan senang didapati, tetapi kalau kita biarkan tinggal di kawasan rancangan ini ia boleh merosakkan tanaman dan selepas itu boleh jadi orang kampung akan menembaknya pula. Kita alihkan ianya ke Taman Negara. Saya dengar Yang Berhormat Menteri ada rancangan mengadakan helikopter untuk pergi melawat ke Taman Negara. Kalau binatang itu banyak di Taman Negara, kita boleh pergi tengok dengan senang seperti gajah, beruang dan lain-lain. Ini cadangan yang baik. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

7.58 mlm.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar ini, saya suka mengambil bahagian sedikit. Walaupun saya menyedari bahawa mustahaknya menjaga hidupan liar ini, saya juga menyedari lebih mustahaknya menjaga tanaman-tanaman yang ditanami oleh orang-orang kampung. Saya nampak dalam Rang Undang-undang ini

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, 18hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.